

LAPORAN Tahunan 2025

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Senarai KANDUNGAN

1.	Perutusan Datuk Bandar Kuantan	ii - iv
2.	Ahli Majlis	v - vi
3.	Carta Organisasi	vii
4.	Sijil Audit Negara	viii
5.	Anugerah	ix - xi
6.	Profil Daerah Kuantan	xii - xv
7.	Fungsi Utama Majlis Bandaraya Kuantan	xvi - xvii
8.	Pejabat Datuk Bandar	2 - 16
9.	Jabatan Khidmat Pengurusan	17 - 25
10.	Jabatan Seni Bina	26 - 39
11.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	40 - 43
12.	Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan	44 - 56
13.	Jabatan Perancang Bandar	57 - 67
14.	Jabatan Kejuruteraan	68 - 75
15.	Jabatan Perbendaharaan	76 - 83
16.	Jabatan Kemasyarakatan dan Pelancongan	84 - 90
17.	Jabatan Kawalan Perniagaan dan Perkhidmatan Perbandaran	90 - 111
18.	Jabatan Landskap	111 - 123
19.	Jabatan Mekanikal dan Elektrikal	124 - 133

Perutusan
DATUK BANDAR KUANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan salam sejahtera.

- *Salam Pahang 1st*
- *Salam Aspirasi Pahang 1st*
- *Salam Kuantan Bandaraya Indah Lestari*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) telah berjaya mengharungi tahun 2025 dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan serta terus komited dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada warga bandaraya Kuantan.

Tahun 2025 merupakan tahun yang signifikan dalam usaha memperkukuh tadbir urus organisasi serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi aspek pengurusan, pembangunan bandar, penyampaian perkhidmatan awam serta pengukuhan hubungan strategik bersama komuniti.

Dalam usaha memperkasakan organisasi, MBK terus memberi penekanan kepada pembangunan modal insan melalui pelaksanaan program latihan yang berterusan dan menyeluruh. Di samping itu, aspek pengurusan sumber manusia turut diperkukuh melalui penambahbaikan dasar, perancangan kesinambungan kepimpinan serta kebajikan warga kerja yang sentiasa diberi perhatian.

Dari sudut pembangunan bandar, pencapaian yang memberangsangkan telah direkodkan, selari dengan peningkatan aktiviti pembangunan dan keyakinan pelabur terhadap potensi bandaraya Kuantan. Hal ini mencerminkan keupayaan MBK dalam merancang dan mengurus pembangunan secara strategik dan berkesan.

Selaras dengan hala tuju pembangunan lestari, pelbagai usaha terus dipergiatkan bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar. Komitmen ini mencerminkan kesungguhan MBK dalam membentuk persekitaran bandar yang mampan dan berkualiti untuk generasi kini dan akan datang.

Sepanjang tahun ini juga, pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan telah berjaya dilaksanakan, bukan sahaja dalam memeriahkan suasana bandar, malah turut mengeratkan hubungan antara warga kerja dan masyarakat serta memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan.

Tahun 2025 turut menyaksikan peralihan kepimpinan yang berjalan dengan lancar, mencerminkan kesinambungan pentadbiran serta komitmen berterusan dalam memacu kecemerlangan organisasi.

Saya juga ingin menyampaikan rasa bangga saat menyaksikan MBK terus mengukir nama di persada dunia. Saya amat berbangga dengan komitmen seluruh warga kerja yang tidak pernah lelah dalam memberikan yang terbaik sehingga membuahkan pengiktirafan berprestij. Kejayaan ini mencerminkan kesungguhan kita untuk menjadikan Kuantan sebuah bandaraya yang indah dan mampan. Berikut adalah senarai anugerah yang menjadi kebanggaan kita bersama:

1. Peringkat Antarabangsa :

I. **Bronzed Medal Award (Gear Mech Team - ARFD)** di Public Service Innovation Asia Malaysia Technology Expo

II. **Silver Medal Award (Piramix Team - I-Clean)** di Public Service Innovation Asia Malaysia Technology Expo

III. **Silver Award** di International Exhibition of Innovation 2025, Geneva

IV. **Special Award** di Taiwan Inventions Association, International Exhibition of Innovation 2025, Geneva

V. **Special Award** di National Research Council of Thailand - Thailand Award for the Best International Invention & Innovation, International Exhibition of Innovation 2025, Geneva

VI. **SDG Infrastructure G-Urban Development 'Kuantan Art Street'** di 4th SDG City Awards Ceremony

VII. **Gold Award** di 50th International Convention on Quality Control Circles 2025, Taipei

VIII. **Best Islamic Cultural Gathering** di World Islamic Tourism Award

IX. **ASEAN Clean Tourist City Standard 2026 - 2028** di ASEAN Tourism Award 2025

2. Peringkat Kebangsaan:

I. **Best Tourism Initiative** di Tourism Industry Award 2025

II. **Best Recreational Destination** di Tourism Industry Award 2025

III. **Excellence in Urban Environmental Management Recognition** di 20th Anniversary WMAM Annual Conference 2025

IV. **Diamond Winner Community and the Neighbourhood Park - Project the Seaside Park @ Gelora** di MyPlace Awards 2025

V. **Diamond Winner Outdoor Space (Public Outdoor Space) - Project the Kuantan Esplanade** di MyPlace Awards 2025

VI. **Sijil Penghargaan Penyertaan Inisiatif Dashboard H.E.M.A.T** bagi Team Tech - Inovasi Anti-Mon Paddle Pop

VII. **Sijil Penghargaan Penyertaan Inisiatif Dashboard H.E.M.A.T** bagi Team Tech - Inovasi Atlantis

VIII. **Sijil Penghargaan Penyertaan Inisiatif Dashboard H.E.M.A.T** bagi USB Mech - Green AC H20

IX. **Sijil Penghargaan Penyertaan Inisiatif Dashboard H.E.M.A.T** bagi Piramix - I-Clean

X. **Anugerah Bandar Paling Mampan 2025 (Kategori Bandaraya)**

XI. **Anugerah Kecemerlangan Kategori Projek Kerajaan (C)** di Quest 2025

XII. **Penarafan 3 Bintang kepada Projek Kumpulan Piramix** di Konvokesyen ICC/KIK Malaysia 2025

XIII. **Penarafan 3 Bintang kepada Projek Kumpulan Gear Mech** di Konvokesyen ICC/KIK Malaysia 2025

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja MBK atas dedikasi, komitmen dan integriti yang ditunjukkan dalam melaksanakan amanah. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Kerajaan Negeri, agensi-agensi, rakan strategik serta seluruh warga Kuantan atas sokongan berterusan kepada MBK.

Akhir kata, saya yakin dengan semangat kerjasama dan iltizam yang tinggi, MBK akan terus melangkah maju sebagai sebuah bandaraya yang mampan, berdaya saing dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

“KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI”

(DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI, DIMP., AAP.)
Datuk Bandar Kuantan
Majlis Bandaraya Kuantan

Ahli Majlis
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

YH. DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI
DATUK BANDAR KUANTAN

YANG DIHORMAT MULIA ORANG KAYA INDERA SEGARA TENGKU DATO' SRI HAJI ZULKIFLY BIN TENGKU AHMAD

YH. DATO' HASNUL HAMIDI BIN HARUN

YH. DATO' SAFARIAH BINTI AWANG NGAH

YH. DATO' HAJI MOHD ZAILI BIN HAJI BESAR

ENCIK FONG WAN KOK

ENCIK SELVARAJAH A/L NARAYANASAMY

ENCIK MUHAMMAD IBROHIM BIN MAZALAN

ENCIK TAN YEE BOON

ENCIK KAMAL ZAIM BIN MOHD AMIN

ENCIK HASRUL AFIZAN BIN MOHD DIN

ENCIK MOHD FAISAL BIN ABD SAMAD

TUAN HAJI FAKHRUL ANUAR BIN ZULKAWI

YH. DATO' SUHAIMI BIN SULONG

TUAN HAJI FADZILAH BIN HAJI MOHAMED TAHIR

ENCIK HAZRIN BIN BASRI

ENCIK NIK MOHD RIDZUAN BIN KAMARUDIN

YH. DATO' HAJAH ZAITUN BINTI MAT

CIK TEE CHOON SER

ENCIK LEE YIT HANN

DR. MOHD QIUZI IQBAL BIN MOHD SABARI

PUAN WAN NORRAZARIAH BINTI WAN ABDUL RAZAK

EX OFFICIO

YH. DATO' SHARUDDIN BIN JALI
PEGAWAI DAERAH KUANTAN

YH. DATO' TPR. NIK NORAISU BT NIK IBRAHIM
PENGARAH PLAN MALAYSIA PAHANG

YH. DATO' KHAIRUN NISSA BINTI ARIS
SETIAUSAHA BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

IR. AIDA AMALINA BINTI ABDULLAH
JURUTERA DAERAH KUANTAN

ACP ASHARI BIN ABU SAMAH
KETUA POLIS DAERAH KUANTAN

DR. MOHD HAFEEZ BIN INTIAZ HUSSEIN
PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KUANTAN

TUAN HAJI SYARIFUDDIN BIN MOHAMAD SA'AD
PEGAWAI AGAMA ISLAM PAHANG

CARTA ORGANISASI

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

DATUK BANDAR

YH. DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI
JUSA C

AHLI MAJLIS

SETIAUSAHA

TUAN HAJI MOHD NIZAM BIN MAHAYUDDIN
AKAUNTAN GRED WA14

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)	BAHAGIAN INTEGRITI	BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT	BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	BAHAGIAN AUDIT DALAM
PUAN HAJAH NURUL ASHIKIN BINTI AHMAD KHAIRUDIN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F12	ENCIK MUHAMAD SOFFI BIN OTHMAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J10	ENCIK ABDUL LATIF BIN RAMLEY PEGAWAI TADBIR GRED N9	PUAN NOR HAYATUL HUDA BINTI OTHMAN PEGAWAI TADBIR GRED N9	ENCIK IMRAN HAYAT BIN MAMAT @ YUSOF PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W7	PUAN ANISAH BINTI SUKARMAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W6 (KUP)

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN (JKP)	JABATAN SENI BINA (JSB)	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA (JPPH)	JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN (JUUP)	JABATAN PERANCANG BANDAR (JPB)	JABATAN KEJURUTERAAN (JK)	JABATAN PERBENDAHARAAN (JP)	JABATAN KEMASYARAKATAN DAN PELANCONGAN (JKMP)	JABATAN KAWALAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN (JKPPP)	JABATAN LANDSKAP (JL)	JABATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (JME)
PUAN HASLINDA BINTI HASSAN PEGAWAI TADBIR GRED N13	ENCIK HELMY BIN MOHAMED YATIM ARKITEK GRED J13	PUAN AZURA BINTI SALLEH PEGAWAI PENILAIAN GRED W12	ENCIK SHAHRUL AZLAN BIN ABD RAHIM PEGAWAI UNDANG-UNDANG MEMANGKU GRED L13	TPr. PUAN HAJAH CHE HUZZANA BINTI CHE HUSAIN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MEMANGKU GRED J13	TUAN HAJI RAHIMI BIN ABDUL RAHMAN JURUTERA MEMANGKU GRED J12	PUAN ANIZA BINTI ABDUL RANI AKAUNTAN MEMANGKU GRED WA12	PUAN SUHAIJAH BINTI ALI PEGAWAI TADBIR GRED N10	PUAN NORKAMAWATI BINTI KAMAL PEGAWAI TADBIR MEMANGKU GRED N12	ENCIK SHAHARUDDIN BIN SAIFULLAH ARKITEK LANDSKAP GRED J10	ENCIK KHAIRIL SHUHAIDI BIN KHALID RANI JURUTERA GRED J10

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	BAHAGIAN BANGUNAN	BAHAGIAN PENILAIAN	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN DAN PENSWASTAAN	BAHAGIAN PROJEK DAN REKABENTUK	BAHAGIAN BELANJAWAN DAN PEROLEHAN	BAHAGIAN KOMUNITI DAN SUKAN	BAHAGIAN PELESENAN	BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP	BAHAGIAN PENGURUSAN BANGUNAN
PUAN NURUL BINTI SULAIMAN PEGAWAI TADBIR GRED N9	ENCIK NIK MUHAMAD AMIN BIN NIK MUHAMMAD JAPLUS ARKITEK GRED J10	PUAN FADILA RAHIMA BINTI MOHAMAD NAZRI PEGAWAI PENILAIAN GRED W10	ENCIK MUHAMAD HAIZAD BIN HAJI ZOLPANI PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L10	ENCIK MOHD HISAMUDIN BIN IDERIS PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J10	TUAN HAJI MD RAPI BIN MD NOR JURUTERA GRED J10	PUAN NORSALIZA BINTI SAFFRIM AKAUNTAN GRED WA10	ENCIK MOHD IZUDDIN BIN MOHD KENALI PEGAWAI TADBIR GRED N10	ENCIK ZUNIZUDDIN BIN SHAMSUDDIN PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U9	PUAN FATIMAH BINTI JOMID PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA6 (KUP)	ENCIK NASRUL HASRAF BIN SULAIMAN JURUTERA GRED J10

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN LATIHAN	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN DAN PROJEK KHAS	BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA DAN SEWAAN	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN	BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN GIS	BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN KONTRAK	BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN	BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN	BAHAGIAN PENJAJA	BAHAGIAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP	BAHAGIAN PENYELENGGARAAN
ENCIK MOHAMAD HAZIQ BIN MOHAMAD SABRI PEGAWAI TADBIR GRED N9	PUAN ROSILA BINTI HAJI MAAROF @ MD KHALID PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA6	ENCIK MOHD KHAIRIL HAZWAN BIN OMAR PEGAWAI PENILAIAN GRED W10	PUAN NURUL'AIN BINTI SALEHUDIN PEGAWAI TADBIR GRED N9	PUAN ROZINA BINTI HAZALI PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J10	PUAN NURUL 'IZZATI BINTI ABD HALIM JURUUKUR BAHAN GRED J9	TUAN HAJI AMRAN BIN ZAKARIA AKAUNTAN GRED WA9	CIK HAJAH NURUL ELYA BINTI AHMAD NABIR PEGAWAI TADBIR GRED N9	ENCIK KAMARULAZLAN BIN MOHD PATI PEGAWAI TADBIR GRED N9	PUAN HAZLIN BINTI HUSAIN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G6	ENCIK MOHD ADNAN BIN TAHIR JURUTERA GRED J9

BAHAGIAN PENDAKWAAN	BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN	BAHAGIAN JALAN DAN MARKIS	BAHAGIAN CUKAI DAN HASIL	BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERSANDARAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN	BAHAGIAN MEKANIKAL DAN PENGANGKUTAN
KOSONG	ENCIK MOHD NOR BIN AMRAN PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA6	ENCIK MOHD FADZIL BIN AHAMAD DAMANHURI PENOLONG JURUTERA GRED JA6	PUAN NORKANSINA BINTI MOHAMED SIDEK PENOLONG AKAUNTAN GRED W7	ENCIK AFFANDI BIN MUSA PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U7	ENCIK MUHAMMAD TALHAH BIN MOHAMED FARIDUL ATRASH PENOLONG JURUTERA GRED JA6

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR

ENCIK HAFIZUL BIN HAZALI
PENOLONG JURUTERA GRED JA6 (KUP)

TERBITAN
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

CARTA TERKINI
- 11 JABATAN
- 35 BAHAGIAN

NO PINDAAN : 3/2025
TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2025

SIJIL AUDIT NEGARA

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2024

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 (Akta 62) untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Majlis Bandaraya Kuantan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 52.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Kuantan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan kepentuan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

1 / 4

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Kuantan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Bandaraya Kuantan perlu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan kepentuan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai kupayaan Majlis Bandaraya Kuantan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

2 / 4



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Kuantan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Kuantan perlu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Bandaraya Kuantan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang membentuk gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

3 / 4

Hal-hal Lain

Majlis Bandaraya Kuantan hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

a. Memastikan pendedahan nota mengenai kemungkinan kerugian akibat perfikasi tuntutan daripada pemiutang berjumlah RM2.30 juta, sebagai Liabiliti Kontinjen selaras dengan kehendak MPSAS 19.

b. Memastikan Kerja Dalam Kemajuan berjumlah RM0.75 juta yang melibatkan tiga projek diktiraf berdasarkan kos projek dengan mengambil kira nilai peratus atau tahap kerja siap selaras dengan kehendak MPSAS 17.

c. Memastikan Hasil dan Liabiliti berkaitan pelunasan Geran Pembangunan berjumlah RM0.91 juta yang melibatkan dua projek diktiraf selaras dengan kehendak MPSAS 23.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Kuantan berdasarkan kepentuan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
NOVEMBER 2025

4 / 4

ANUGERAH-ANUGERAH

PERINGKAT ANTARABANGSA

BRONZE MEDAL AWARD
(GEAR MECH TEAM - ARFD)
PUBLIC SERVICE INNOVATION ASIA MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO

SILVER MEDAL AWARD
(PIRAMIX TEAM - I CLEAN)
PUBLIC SERVICE INNOVATION ASIA MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO

SILVER AWARD
INTERNATIONAL EXHIBITION OF INNOVATION 2025 GENEVA

SILVER AWARD
TAIWAN INVENTIONS ASSOCIATION INTERNATIONAL
EXHIBITION OF INNOVATION 2025 GENEVA

SILVER AWARD
NATIONAL RESEARCH COUNCIL OF THAILAND - THAILAND AWARD FOR THE BEST INTERNATIONAL INVENTION AND INNOVATION
INTERNATIONAL EXHIBITION OF INNOVATION 2025 GENEVA

DG INFRASTRUCTURE G URBAN DEVELOPMENT
"KUANTAN ART STREET"
4TH SDG CITY AWARDS CEREMONY

GOLD AWARD
50TH INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES TAIPEI 2025

WORLD ISLAMIC TOUR
BEST ISLAMIC CULTURAL GATHERING

ASEAN TOURISM AWARD 2025

BEST TOURISM INITIATIVE

TOURISM INDUSTRY AWARDS 2025

BEST RECREATIONAL DESTINATION

TOURISM INDUSTRY AWARDS 2025

EXCELLENCE IN URBAN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT RECOGNITION

20TH ANNIVERSARY WMAM ANNUAL CONFERENCE 2025

MY PLACE AWARDS 2025

DIAMOND WINNER COMMUNITY AND THE NEIGHBOURHOOD PARK - PROJECT THE SEASIDE PARK @ GELORA

MY PLACE AWARDS 2025

DIAMOND WINNER OUTDOOR SPACE (PUBLIC OUTDOOR SPACE) - PROJECT THE KUANTAN ESPLANADE

SIJIL PENGHARGAAN PENYERTAAN INISIATIF DASHBOARD H.E.M.A.T (TEAM TECH - INOVASI ANTI - MON PADDLE POP)

SIJIL PENGHARGAAN PENYERTAAN INISIATIF DASHBOARD H.E.M.A.T (TEAM TECH - INOVASI ATLANTIS)

SIJIL PENGHARGAAN PENYERTAAN INISIATIF DASHBOARD H.E.M.A.T (PIRAMIX - I-CLEAN)

SIJIL PENGHARGAAN PENYERTAAN INISIATIF DASHBOARD H.E.M.A.T (USB MECH - GREEN AC H20)

ANUGERAH KECEMERLANGAN DASHBOARD KATEGORI PROJEK KERAJAAN (C)
QUEST 2025

ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2025 (KATEGORI BANDARAYA)

3 BINTANG PENARAFAN PROJEK KUMPULAN PIRAMIX KONVOKESYEN ICC/KIK MALAYSIA

3 BINTANG PENARAFAN PROJEK KUMPULAN GEAR MECH KONVOKESYEN ICC/KIK MALAYSIA

PENCAPAIAN

1. ANUGERAH PERINGKAT ANTARABANGSA - 9 ANUGERAH
2. ANUGERAH PERINGKAT KEBANGSAAN - 13 ANUGERAH
3. ANUGERAH PERINGKAT NEGERI - 0 ANUGERAH
4. PENGHARGAAN DAN PENSIJILAN - 0 ANUGERAH

JUMLAH ANUGERAH - 21 ANUGERAH

Profil DAERAH KUANTAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Majlis Bandaraya Kuantan

LOKASI

Utara : Terengganu
Barat : Maran dan Jerantut
Selatan : Pekan
Timur : Laut China Selatan

KELUASAN KAWASAN

2,960.42 KM Persegi / 296,042.09 Hektar

ENAM MUKIM

- Kuala Kuantan (BP1)
- Beserah (BP2)
- Sungai Karang (BP3)
- Penur (BP4)
- Hulu Kuantan (BP5)
- Hulu Lepar (BP6)

KOMPOSISI KAUM

- 80.6% Melayu
- 14.7% Cina
- 4.3 % India
- 0.4% Lain-lain

GUNATANAH UTAMA

- 53.45% Hutan
- 34.58% Pertanian
- 1.9% Perumahan
- 0.34% Perniagaan
- 1.01% Industri
- 1.32% Institusi & KM

KELUASAN DAERAH KUANTAN MENGIKUT MUKIM

Kuala Kuantan	**794.47 km persegi / 79,446.92 hektar**	**26.84%**
Beserah	**31.02 km persegi / 3,102.72 hektar**	**1.05%**
Sungai Karang	**272.49 km persegi / 27,248.80 hektar**	**9.20%**
Penur	**222.86 kmpersegi / 22,286.16 hektar**	**7.53%**
Hulu Kuantan	**886.17 km persegi / 88,616.53 hektar**	**29.93%**
Hulu Lepar	**753.41 km persegi / 75,340.96 hektar**	**25.45%**

JUMLAH PENDUDUK

536,800

(Jabatan Perangkaan Negeri Pahang, 2020)

Unjuran 2030 : 744,198



KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



GUNA TANAH DAERAH KUANTAN

HUTAN
50.20%

PERTANIAN
37.83%

Guna Tanah Semasa	Keluasan (KM Persegi)	Keluasan (Hek.)	Peratus (%)
Perumahan	57.48	5,748.42	1.94
Komersial	10.02	1,002.34	0.34
Industri	30.04	3,003.71	1.01
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	39.04	3904.32	1.32
Infrastruktur dan Utiliti	11.86	1,185.79	0.40
Tanah Lapang dan Rekreasi	8.60	859.92	0.29
Pertanian	1,023.58	102,358.27	34.58
Perhutanan	1582.45	158,244.82	53.45
Tanah Kosong	75.81	7,580.80	2.56
Pengangkutan	67.34	6,733.83	2.27
Badan Air	48.39	4,838.86	1.63
Pantai	5.81	581.01	0.20
Jumlah	**2,960.42**	**296,042.09**	**100.00**

SEJARAH PENTADBIRAN

21 FEBRUARI 2026

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (2065KM2)

1979

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN (324KM2)

21 FEBRUARI 2026

MAJLIS BANDARAN KUANTAN (16KM2)

1979

LEMBAGA BANDARAN KUANTAN

21 FEBRUARI 2026

KUANTAN SANITARY BOARD

PERUNDANGAN/ENAKMEN/ DASAR

AKTA

- Akta KerajaanTempatan 1976 (Akta 171)
- Akta JalanParit dan Bangunan (Akta 133)
- Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172)
- Akta Pengangkutan Jalan (Akta 333)
- AktaMakanan (Akta281)

ENAKMEN

- Enakmen Rumah Tumpangan (Bab 14)
- Enakmen Hiburan1993
- Enakmen Lembu/Kerbau Merayau1996
- Enakmen Bandaraya Kuantan 2021 (Enakmen 27)
- Enakmen Hotel (Pahang) 2020 (Enakmen 23)
- Enakmen Hiburan 1993 (Enakmen No.5)
- Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu 2001 (Enakmen 2)

UNDANG-UNDANG KECIL / KAEDAH-KAEDAH / PERATURAN-PERATURAN

- Undang-UndangKecil (MengkompaunKesalahan-Kesalahan) (MPK) 2020
- Undang-Undang Kecil Pasar (MPK) 2012
- Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MPK) 2012
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MPK) 2012
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MPK) 2021
- Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 1993
- Undang-undang Kecil Vandalisme (MPK) 1994
- Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996-Pindaan 2014
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut, Pendandan Rambut dan Salun Kecantikan (MPK) 2006
- Undang-Undang Kecil Stor Kayu dan Kerja Kayu (MPK) 2006
- Undang-Undang Kecil Taman (MPK) 2012
- Undang-UndangKecil Kolam Renang(MPK) 2006
- Undang-UndangKecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap(MPK) 2007
- Undang-Undang Keci l(Mengkompaun Kesalahan-Kesalah) MPK 2020
- Undang-UndangKecil Pasar Borang (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPK) 2012
- Undang-Undang Kecil Rumah Urut (MPK) 1982
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan (MPK) 1983
- Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2021
- Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makanan (MPK) 1983
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan Parit dan Bangunan (MPK) 1983
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MPK) 1984
- Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPK) 1985
- Undang-Undang Kecil Bayaran Denda MPK 1983
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (MBK) 2023
- Undang-Undang Kecil Iklan (MPK) 2022
- Undang-Undang Kecil Pencegahan Kacau Ganggu (MBK) 2023
- Kaedah-kaedah Hiburan1996
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (AM) 1985
- Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2022
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 2024
- Kaedah-Kaedah Aktiviti dan Premis Sukan Electronic (E-Sport) (Pahg) 2021
- Perintah Pengangkutan Jalan (Sekatan Ke Atas Jentera Bergerak Berat Daripada Penggunaan Jalan) (MPK) 2017

Fungsi Utama
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

VISI
Kuantan Bandaraya Lestari Inklusif, Resilien dan Pintar

MISI
Merealisasikan Agenda Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Alam Sekitar Yang Lestari Dan Berdaya Huni

SLOGAN PELAN STRATEGIK
"Kuantan City With Nature"

TAG LINE
#ThisisMBK #StrongerTogether #DemiPertiwi

HALA TUJU PELAN STRATGEIK MBK 2021 - 2025

NILAI TERAS

PROFESIONAL	INTEGRITI	INOVASI	EFISIEN	MESRA KOMUNITI
Objektif 1 Meningkatkan Persekitaran Ekonomi Yang Kondusif Dan Berdaya Saing	Objektif 2 Menyediakan Tadbir Urus Yang Berkualiti Dan Berintegriti	Objektif 3 Mengukuhkan Pembangunan Komuniti Yang Inklusif	Objektif 5 Mengekalkan Mengukuh Menggalak Seni Budaya Dan Warisan	Objektif 6 Menjadikan Kuantan Bandaraya Pelancongan Antarabangsa
		Objektif 4 Memacu Pembangunan Lestari Berasaskan Teknologi Efisien Dan Pintar		
24 Inisiatif 18 Pelan Tindakan	24 Inisiatif 13 Pelan Tindakan	24 Inisiatif 12 Pelan Tindakan	24 Inisiatif 10 Pelan Tindakan	24 Inisiatif 23 Pelan Tindakan
Teras 1 **EKONOMI MAJU BERDAYA SAING**	Teras 2 **TADBIR URUS PROGRESIF DAN DINAMIK**	Teras 3 **KOMUNITI SEJAHTERA**	Teras 4 **PEMBANGUNAN LESTARI DAN BERDAYA HUNI**	Teras 5 **BANDAR RAYA PELANCONGAN**
. Tingkatkan Kutipan Hasil . Tubuh Perbadanan Bandaraya Kuantan (KCI) . Teroka Sumber Hasil Baru . Tubuh Yayasan Bandaraya Kuantan (YBK) . UPYA Ekonomi Melalui Bandar Berdaya Saing	. Mantapkan Organisasi . Perkasa Penggunaan Teknologi Pintar . Perkasa Penguatkuasa . Antarabangsa Organisasi	. Tingkatkan Kualiti Kemudahan Infrastruktur Masyarakat . Tingkat Tahap Kesihatan Dan Kebersihan . Bangunan Komuniti Sukan Dan Rekreasi . Turunkan Kadar Kemiskinan	. Tingkatkan Kualiti Alam Sekitar Dan Gaya Hidup Melalui Pendekatan . Sediakan Persekitaran Bandar Raya Yang Selamat Dan Berdaya Huni	. Bangunkan Produk Pelancongan Baru Bertaraf Dunia . Penjenamaan Semula Produk Pelancongan Sedia Ada Pemulihan Seni Dan Budaya . Kekalkan Warisan Bandar . Pergiat Promosi Dan Pasaran Produk Pelancongan
5 STRATEGI	4 STRATEGI	5 STRATEGI	2 STRATEGI	5 STRATEGI

PIAGAM PELANGGAN MAJLIS

01 Memproses Permohonan Lesen Permit / Iklan Tidak Berisiko dalam masa 10 minit

02 Memproses Kelulusan Pelan Serta Merta dalam tempoh 1 jam bekerja dari tarikh Permohonan Lengkap diterima

03 Proses pembayaran kepada pembekal dalam tempoh 7 hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap diterima

04 Proses permohonan permit penutupan jalan dalam tempoh 10 minit

05 Memastikan aduan awam yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh 7 hari bekerja

06 Memastikan kompaun yang dirujuk ke Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan diselesaikan dalam tempoh 10 minit

07 Permohonan pindah milik Harta/Pegangan diproses dalam tempoh 1 hari bekerja

08 Memastikan permohonan penyelesaian luar Mahkamah bagi kes-kes saman jabatan dapat diselesaikan dalam tempoh 10 minit

09 Memastikan semua urusan menandatangani perjanjian di kaunter antara MBK dengan pihak kedua dilaksanakan dalam tempoh 15 minit

10 Memastikan kerja-kerja berkaitan bencana diuruskan dalam tempoh 24 jam


Pejabat Datuk Bandar

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

FUNGSI

Bahagian Teknologi Maklumat merupakan bahagian yang bertanggungjawab memastikan pengurusan maklumat dan infrastruktur ICT terkawal dan mampu menyokong keperluan pengurusan di dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada *'Stakeholder'* dan pengguna. Bahagian Teknologi Maklumat terdiri daripada Unit Aplikasi & Keselamatan dan Unit Penyelenggaraan & Latihan yang diketuai oleh Ketua Bahagian dan 10 orang kakitangan. Peranan dan fungsi utama bahagian ini ialah :

1. Merancang, menyedia dan mengurus perkakasan dan perisian ICT MBK dari segi perolehan, pelupusan, penyelenggaraan, inventori dan pinjaman.

2. Menjalankan kajian, perancangan, pembangunan, pelaksanaan, bantuan teknikal dan pemantauan ke atas semua keperluan sistem-sistem aplikasi jabatan/bahagian di MBK.

3. Merancang, melaksana, mentadbir dan memantau operasi *server* dan rangkaian MBK agar berada dalam keadaan selamat.

4. Memberi khidmat bantuan teknikal, nasihat dan latihan kepada pengguna-pengguna jabatan/bahagian MBK.

5. Membantu dan menyelaras pengeluaran bil-bil, notis serta laporan-laporan berkaitan untuk kegunaan jabatan/bahagian MBK.

PRESTASI KERJA

BIL	AKTIVITI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Pembangunan Sistem Aplikasi	100%	90%
2	Penyelenggaran Dan Penambahbaikan Sistem Aplikasi	100%	100%
3	Kursus/Latihan Kepada Kakitangan dan Komuniti	100%	100%
4	Mesyuarat	100%	100%
5	Penyelesaian Aduan ICT Dan Penyelenggaraan	100%	100%
6	Pelaksanaan Dasar Keselamatan ICT (DKICT)	100%	100%

PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE) BAGI TAHUN 2025

BIL	SISTEM ONLINE	JENIS BAYARAN	JUMLAH TRANSAKSI/ PENGGUNA	JUMLAH KUTIPAN
1	Sistem e-Bayar (*Financial Process Exchange* (FPX))	Kompaun, Cukai Taksiran dan Pendaftaran Pembekal	Kompaun - 777 Cukai Taksiran - 17,382 Pendaftaran Pembekal - 98	Kompaun - RM 103,165.00 Cukai Taksiran - RM 7,541,434.35 Pendaftaran Pembekal - RM 1960.00
2	Agen Bank (Bank Simpanan Nasional) di Petronas dan Kedai Runcit Terpilih	Cukai Taksiran	Cukai Taksiran - 1,148	Cukai Taksiran - RM 236,654.05
3	Aplikasi Pahang Go	Bayaran Letak Kereta Atas Talian, Bayaran Parking Bulanan & Tahunan, Cukai Taksiran, Kompaun Kenderaan & Pelbagai	Kompaun Letak Kenderaan - 17,041 Kompaun Pelbagai - 131 Cukai Taksiran - 22,560	Kompaun Letak Kenderaan - RM 825,490.00 Kompaun Pelbagai - RM 34,770.00 Cukai Taksiran - RM 4,362,436.00
4	Pembayaran Melalui PBTPay	Cukai Taksiran	Cukai Taksiran - 3,095	Cukai Taksiran - RM 2,215,267.06

RUMUSAN PENCAPAIAN

Secara keseluruhan, pencapaian prestasi Bahagian Teknologi Maklumat untuk tahun 2025 adalah baik dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 100%.

Pada tahun 2025, Bahagian Teknologi Maklumat telah menumpukan kepada kajian penambahbaikan sistem aplikasi sedia ada seperti ARIS, Pembangunan Portal Perkhidmatan Atas Talian MBK *Online* (Semak dan Bayar Kompaun dan Cukai Taksiran), Pelaksanaan Pelan Digitalisasi Majlis Bandaraya Kuantan, penggantian peralatan ICT yang dilihat memerlukan kepada peralatan terkini serta Pelan Pelaksanaan *Information Security Management System* (iSMS) bagi pihak Majlis.

Selain itu, sebanyak 5 kali latihan berjaya dilaksanakan kepada kakitangan dan pegawai MBK, termasuk satu (1) kali latihan penggunaan aplikasi QR kehadiran MBK dan (2) kali kursus PHP.

BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

FUNGSI

Proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, perancangan dan pelan berkaitan dikendalikan melalui penyelarasan dan pemudahcara, dengan pemantauan permohonan mengikut Piagam Pelanggan. Prosedur diseragamkan berdasarkan peruntukan undang-undang seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diurusetia 2 kali sebulan untuk membuat keputusan mengenai permohonan pembangunan, dengan keputusan disampaikan dalam 3 hari dan disahkan dalam mesyuarat penuh majlis bulanan. Sistem OSC dan e-SR dipastikan berjalan lancar, di samping memberi khidmat nasihat dan memastikan pematuhan kepada undang-undang dan prosedur perancangan. Laporan berkala disediakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta kerajaan negeri dan *"Technical Facilitate Team"* (TFT) mengurus penambahbaikan proses permohonan berimpak tinggi.

PRESTASI KERJA

KUTIPAN BAYARAN PROSES PELAN CADANGAN PEMAJUAN BAGI TAHUN 2025

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM) 2024	JUMLAH (RM) 2025
1	KEBENARAN MERANCANG	630,965.43	773,658.25
2	PELAN INFRASTRUKTUR	1,018,996.41	791,827.15
3	PELAN BANGUNAN	712,492.64	943,043.99
4	PERMIT SEMENTARA	95,400.00	200,340.00
5	PELAN LANDSKAP	209,186.95	250,285.15
6	PELAN LAMPU JALAN	1,200.00	1,000
7	PELANNAMA TAMAN, JALAN & BANGUNAN (TJB)	7,350.00	7,200.00
8	PERMOHONAN PATUH SYARAT DENGAN FI BAHARU	12,341.90	53,805.49
JUMLAH BAYARAN PROSES FI (RM)		**2,687,933.20**	**3,021,160.06**
	KADAR CARUMAN SALIRAN (KCS) (JPS)	914,385.40	1,498,453.60
	BAYARAN ACDC LANE (JKR)	781,583.00	554,530.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		**1,695,968.40**	**2,052,683.60**

BAHAGIAN INTEGRITI

FUNGSI

Pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan, serta tatatertib adalah aspek penting dalam memastikan sistem yang berfungsi dengan baik dan telus, membina keyakinan serta kepercayaan, serta menegakkan prinsip keadilan dan ketelusan dalam setiap proses dan tindakan yang diambil.

PRESTASI KERJA

PELAKSANAAN AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN INTEGRITI TAHUN 2025

BIL		TERAS	TARIKH	JENIS AKTIVITI/PROGAM	STATUS TINDAKAN
Penggal 1 (Januari hingga April)	1	Pengukuhan Integriti	Setiap Bulan	Jom Hebah Integriti 2025 (Poster, Pertandingan Sudut Integriti dan Pertandingan Artikel Integriti)	Selesai
	2	Pengukuhan Integriti	Setiap Bulan	Taklimat Integriti Semasa Roll-Call Penguatkuasa	Selesai
	3	Pengukuhan Integriti	9 Januari 2025	Pemeriksaan Ujian Air Kencing Kakitangan Majlis	Selesai
	4	Tadbir Urus	20 - 21 Januari 2025	Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan MS ISO 37001:2016 di Bilik Latihan Komputer, Aras 2, Kompleks Majlis Bandaraya Kuantan bersama pegawai trainer SIRIM Academy Sdn. Bhd	Selesai
	5	Pengukuhan Integriti	22 Januari 2025	Kursus Integriti dan Etika Penjawat Awam Kepada Kakitangan Dalaman (Taklimat oleh: Encik Abdul Latif bin Ramley dan Encik Aiman Kamarizan bin Noh)	Selesai
	6	Pengukuhan Integriti	18 Februari 2025	Program Dialog Antirasuah Dan Tatakelola Baik Peringkat Negeri Pahang Tahun 2025 Anjuran Unit Integriti, Pejabat SUK Pahang	Selesai
	7	Tadbir Urus	26 - 27 Februari 2025	Kursus Audit Dalaman MS ISO 37001:2016 diadakan di *Raia Hotel and Convention Centre Terengganu* bersama pegawai trainer SIRIM Academy Sdn. Bhd	Selesai
	8	Pengukuhan Integriti	27 Mac 2025	Penyampaian Ikrar Integriti Semasa Program Perjumpaan Datuk Bandar Bil.1/2025	Selesai
	9	Tatatertib	18 April 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bil.1/2025	Selesai
	10	Tadbir Urus	22 April 2025	Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Encik Abdul Latif bin Ramley, Ketua Bahagian Integriti	Selesai
Penggal 2 (Mei hingga Ogos)	1	Pengukuhan Integriti	11 Mei 2025	Car Free Day Edisi Integriti Fit Run 2025 MBK	Selesai
	2	Pengukuhan Integriti	20 Mei 2025	Program Perdana Bicara Integriti Tahun 2025 Anjuran Unit Integriti, Pejabat SUK Pahang	Selesai
	3	Tatatertib	26 Mei	Sesi Libat Urus SPB-PBT Tahun 2026 Bersama BKTdan PBT Bagi Bahagian Integriti (Public Service Corruption Ranking - PSCR SPRM)	Selesai
	4	Pematuhan	5 Jun 2025	Lawatan Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti Bil.1	Selesai
	5	Pematuhan	9 Jun 2025	Lawatan Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti Bil. 2	Selesai
	6	Pengukuhan Integriti	19 Jun 2025	Program Libat Urus Penubuhan Unit Integriti di Jabatan / Agensi Negeri Pahang Anjuran Unit Integriti, Pejabat SUK Pahang	Selesai
	7	Pengukuhan Integriti	1 - 2 Julai 2025	Projek eDiari@MBK dalam Cabaran Inovasi MBK 2025 (Bahagian Integriti)	Selesai
	8	Pengukuhan Integriti	3 Julai 2025	Seminar Integriti dan Ketelusan: Sinergi Untuk Meningkatkan Tatakelola Organisasi Anjuran UnizSZA	Selesai
	9	Pengukuhan Integriti	17 Julai 2025	Penyampaian Ikrar Integriti Semasa Program Perjumpaan Datuk Bandar Bil.2/2025	Selesai
	10	Tadbir Urus	18 Julai 2025	Lawatan Penanda Aras AIGA dari Majlis Perbandaran Pekan (MPP)	Selesai
	11	Tatatertib	23 Julai 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bil.2/2025	Selesai
	12	Tadbir Urus	31 Julai 2025	Penilaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Secara Atas Talian	Selesai
	13	Tadbir Urus	6 Ogos 2025	Bengkel Pengintegrasian Perubahan Iklim bagi MS ISO 37001:2025 bersama pegawai trainer SIRIM Academy Sdn. Bhd.	Selesai
	14	Tadbir Urus	11 - 15 Ogos 2025	Latihan Pelaksanaan Unit Integriti di Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) Oleh Majlis Daerah Raub (MDR)	Selesai
	15	Tadbir Urus	19 Ogos 2025	Mesyuarat Pelarasan Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	16	Tadbir Urus	24 Ogos 2025	Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	17	Tatatertib	29 Ogos 2025	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tatatertib Bil.1/2025	Selesai
	18	Tadbir Urus	25 - 29 Ogos 2025	Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai

Penggal 3 (September hingga Disember)	1	Tadbir Urus	1 - 4 September 2025	Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	2	Tadbir Urus	12 September 2025	Mesyuarat Pelarasan Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	3	Tadbir Urus	18 September 2025	Mesyuarat Penutup Audit Dalaman ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	4	Pengukuhan Integriti	18 - 19 September 2025	Persidangan Penyelidikan Governans, Integrti dan AntiRasuah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 Tahun 2025 Anjuran SPRM dan IIM	Selesai
	5	Pengukuhan Integriti	19 September 2025	Penyampaian Ikrar Integriti Semasa Program Perjumpaan Datuk Bandar Bil.3/2025	Selesai
	6	Tadbir Urus	22 September 2025	Audit Pengawasan Pertama ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	7	Tadbir Urus	21 Oktober 2025	Sesi Kunjungan Hormat dan Naziran Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan di Majlis Bandaraya Kuantan Oleh Ketua Unit Integriti, SUK Pahang	Selesai
	8	Tadbir Urus	22 Oktober 2025	Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025	Selesai
	9	Tadbir Urus	22 - 23 Oktober 2025	Bengkel Pembangunan Daftar Risiko SPAR Bagi Jabatan Mekanikal dan Elektrikal, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	Selesai
	10	Pematuhan	4 November 2025	Pemerhati Bahagian Integriti Bagi Kerja Undi Untuk Peruntukkan Tambahan MARRIS	Selesai
	11	Pengukuhan Integriti	5 November 2025	Dialog Integriti Kebangsaan Shah Alam (DIKSA) Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Selesai
	12	Tadbir Urus	12 - 13 November 2025	Bengkel Semakan Prosedur ABMS MS ISO 37001:2016	Selesai
	13	Pematuhan	13 November 2025	Pemerhati Bahagian Integriti Bagi Kerja Undi Untuk Peruntukkan Tambahan MARRIS	Selesai
	14	Tatatertib	18 November 2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bil.3/2025	Selesai
	15	Tadbir Urus	20 November 2025	Lawatan Penanda Aras Bahagian Integriti daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	Selesai
	16	Pengukuhan Integriti	26 November 2025	Taklimat Integriti di Kursus Ketahanan Fizikal Anggota Kawalan Keselamatan oleh Encik Aiman Kamarizan bin Noh	Selesai
	17	Pengukuhan Integriti	28 November 2025	Sambutan Hari Integriti Perdana Sempena Sambutan Ulang Tahun PKNP Ke-60 Tahun 2025	Selesai
	18	Pengukuhan Integriti	2 Disember 2025	Majlis Sambutan Hari Integriti dan Hari Antirasuah Peringkat Negeri Pahang	Selesai
	19	Pengukuhan Integriti	16 Disember 2025	Sambutan Hari Integriti Nasional 2025 Peringkat Majlis Bandaraya Kuantan (MBK)	Selesai
	20	Pengukuhan Integriti	22 Disember 2025	Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Rakan Niaga Majlis Bandaraya Kuantan (MBK)	Selesai
	21	Pengukuhan Integriti	22 Disember 2025	Penyampaian Ikrar Integriti Semasa Program Perjumpaan Datuk Bandar Bil.4/2025	Selesai
	22	Tadbir Urus	30 Disember 2025	Mesyuarat Jawatankuasan Tatakelola (JTK) Majlis Bandaraya Kuantan 2025	Selesai

AKTIVITI BAHAGIAN

PROGRAM HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT MBK 2025

MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) BERSAMA RAKAN NIAGA MBK 2025

AUDIT PENGAWASAN PERTAMA MS ISO 37001:2025 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH 2025

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

FUNGSI

1. Melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

2. Membantu menyelaras hal berkaitan Pengurusan dan Penyelenggaraan bangunan berstrata bersama JMB, Pemaju, MC, SUB MC, dan pemilik

3. Mempertingkatkan kerjasama bestari di antara agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dengan pengurusan bangunan berstrata

4. Pemantauan COB berkaitan perkara-perkara di bawah:-
   - Mengawalselia kawasan pemajuan swasta
   - Memberi khidmat nasihat mengenai pemakaian Akta 757
   - Menjalankan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah Akta 757
   - Memantau penyelarasan laporan audit
   - Menjalan pemeriksaan berkala
   - Mengeluarkan sijil penubuhan JMB
   - Memeriksa dan memproses untuk pengesahan ahli jawatankuasa
   - Menyelaras, mengawal selia dan memantau projek-projek di bawah bantuan peruntukan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri
   - Menerima pemfailan unit syer
   - Pemfailan jadual petak
   - Membuat semakan terhadap permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan bagi permohonan OSC

AKTIVITI BAHAGIAN

17.7.2025
Mesyuarat bangunan berstrata antara Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) bersama pihak Badan Pengurusan bersama (JMB) Capital Square

27.8.2025 | Penyerahan siap projek-projek Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) Tahun 2025

Flat Awali, Bukit Sekilau

Flat Rasa Sayang, Seri Setali

Flat Taman Angkasa, Air Putih

Bangunan 45N, Jalan Besar

22.9.20205 | Mesyuarat Pengurusan Medan Warisan

Medan Warisan Fasa 1

Medan Warisan Fasa 2

8.11.2025 | Seminar Prosedur Pengurusan Strata Tahun 2025

31.12.2025 | Mesyuarat teknikal bangunan berstrata antara Bahagian Persuruhjaya Bangunan (COB) bersama pihak Pengurusan Bangunan JMB Sanctuary Resort dan pemilik-pemilik



PRESTASI BAHAGIAN

BIL	AKTIVITI	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN			CATATAN
			BULAN LEPAS	BULAN INI	HINGGA KINI	
1	Memantau mesyuarat Pemaju/JMB/MC (a) Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)	38	31	2	33	
	(b) Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)		2	0	2	
	(c) Mesyuarat Panggilan Pertama MC		1	0	1	
	(d) Mesyuarat Panggilan Pertama JMB		1	0	1	
	Jumlah		**35**	**2**	**37**	
2	Pemfailan Akaun Teraudit/Tidak Teraudit (a) Akaun Teraudit (25)	38	33	2	35	
	(b) Akaun Tidak Teraudit (13)		2	0	2	
	Jumlah		**35**	**2**	**37**	
3	Mesyuarat Teknikal COB bersama komuniti strata (a) JMC (JMB/MC)	36	27	2	29	
	(b) Pemilik		6	0	6	
	Jumlah		**33**	**2**	**35**	

BIL	AKTIVITI	SASARAN TAHUNAN	PENCAPAIAN			CATATAN
			BULAN LEPAS	BULAN INI	HINGGA KINI	
4	Pemeriksaan berkala kepada bangunan berstrata (a) *Star Rating*	1	1	0	1	
	(b) Aduan Kerosakan	12	7	0	7	
	(c) CCC	1	1	0	1	
5	Program Pendidikan Komuniti Strata kepada JMB/MC/Pemilik	1	2	0	2	
6	Penguatkuasaan Akta 757	10	2	0	2	
7	Pengurusan Aduan	40	29	0	32	
8	Pemfailan Jadual Petak/Pemfailan Pengubahan Jadual Petak	1	1	3	1	
9	Pemfailan Penyerahan Milikan Kosong (VP)	1	0	0	0	
10	Deposit Membaiki Kecacatan Harta Bersama (Bon)	1	0	0	0	
11	Sijil Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)	1	1	0	1	
12	Mesyuarat Penyelarasan COB di PBT bersama KPKT	1	3	0	3	
13	Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan	1	3	1	4	
14	Laporan Pemantauan Prestasi OBB	4	3	0	3	
15	Semakan *Star Rating*	1	1	0	1	
16	Laporan Data Statistik Kawasan Pemajuan	1	2	0	2	

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

FUNGSI

Bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras aduan awam, khidmat pelanggan, serta perhubungan awam dengan media. Mereka menyediakan dan menyebarkan maklumat positif yang tepat, memberi maklum balas terhadap komen, aduan dan isu di media massa serta media sosial. Selain itu, mereka membantu pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan dan maklumat dari MBK, menguruskan pengoperasian kaunter bersepadu, serta merekabentuk bahan bercetak dan multimedia. Bahagian ini juga menguruskan liputan aktiviti MBK, menyediakan teks ucapan, bahan pembentangan dan menyelaras temu bual Datuk Bandar. Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat turut memantau pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Kuantan dan bertindak sebagai sekretariat kepada pengurusan kualiti serta program pencapaian kecemerlangan. Selain itu, bahagian ini juga meguruskan sambutan dan acara rasmi MBK, menyelaras program hubungan antarabangsa, serta menguruskan lawatan dan program *'Memorandum of Understanding'* dengan rakan strategik.

PRESTASI KERJA

ADUAN TAHUN 2025

BULAN	JUMLAH ADUAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
JANUARI	574	1	573
FEBRUARI	523	0	523
MAC	420	0	420
APRIL	532	0	532
MEI	527	0	527
JUN	413	0	413
JULAI	535	1	534
OGOS	487	1	486
SEPTEMBER	497	3	494
OKTOBER	583	10	573
NOVEMBER	652	47	605
DISEMBER	691	182	509
JUMLAH KESELURUHAN	**6434**	**245**	**6189**

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

AKTIVITI BAHAGIAN

Program “Moh Ngopi” Bersama Datuk Bandar, Lawatan Peka dan Prihatin

Tarikh:
28.2.2025
ID Aduan:
MPK.018849/
MPK.018850

Tarikh:
28.2.2025
ID Aduan:
PCB.967241



Tarikh:
29.8.2025
ID Tiket:
MBK.032829

Tarikh:
20.11.2025
ID Aduan:
PCB.975858

Tarikh: **28.2.2025**
ID Aduan: **PCB.967241**

Tarikh: **29.8.2025** ID Tiket: **MBK.032829**

BAHAGIAN AUDIT DALAM

FUNGSI

Pengauditan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap dasar, polisi, peraturan, undang-undang, dan prosedur supaya aktiviti Majlis diuruskan secara berhemah, cekap, dan berkesan, mengawal pemborosan, pembaziran, pembayaran tidak teratur, dan kerugian wang awam. Selain itu, pandangan dan syor diberikan untuk meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko, dan amalan tadbir urus Majlis. Susulan terhadap teguran dan penemuan audit dijalankan bagi memastikan tindakan penambahbaikan berterusan, sambil memastikan ketelusan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman dan tadbir urus Majlis.

PRESTASI KERJA

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2024	2025
1	Penampilan Audit	1	1
2	Audit Prestasi	1	1
3	Audit Fasiliti	1	1
4	Audit Khas	4	1
5	Pemeriksaan Mengejut	1	1
6	Audit Penyata Kewangan	1	1
7	Perancangan Audit	1	1
8	Laporan Audit Tahunan	1	1
9	Pemantauan Terhadap Pemulihan Hasil Majlis	12	-
10	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4	2
11	Kursus Kepada Auditi	1	-
12	Susulan Audit	12	12
13	Mesyuarat Penyelarasan Audit	4	-
14	Lain-lain Mesyuarat Dan Sesi Perbincangan Yang Diadakan Oleh Bahagian Audit Dalam Bersama Auditi	10	6
Jumlah		**54**	**28**

Jabatan

KHIDMAT PENGURUSAN

FUNGSI

1. Menguruskan hal-hal berkaitan pengambilan, pelantikan, penempatan, kenaikan pangkat, peperiksaan, kemajuan kerjaya dan persaraan warga kerja MBK.

2. Menguruskan urusan berkaitan prestasi, pegerakan gaji, kebajikan, maklumat rekod perkhidmatan dan cuti, pengisytiharan harta, penyambungan kontrak, anugerah dan darjah kebesaran.

3. Urusetia Mesyuarat Penuh, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia.

4. Bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang berkesan dalam membangunkan modal insan yang berdisiplin, amanah, berhemah tinggi dan berintegriti.

5. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti/program kebajikan/kemudahan kakitangan Majlis.

6. Pengurusan Ahli Majlis MBK.

7. Menyelaras aktiviti-aktiviti kaunseling, khidmat rundingan dan keupayaan kendiri bagi kakitangan yang menghadapi pelbagai masalah psikologi.

8. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program kebajikan/kemudahan MBK.

9. Mengurus permohonan/tempahan penggunaan serta menyelenggara bilik-bilik mesyuarat Lestari dan Dewan Seminar Lestari MBK.

10. Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus/latihan/bengkel dalaman dan luaran serta kompetensi warga kerja MBK.

11. Menyelaras maklum balas dan tindakan dari Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Mesyuarat-Mesyuarat Negeri dan Daerah.

12. Mengurus pengambilan pelatih berdasarkan bidang kursus.

13. Menyelaras program-program Perjumpaan Bersama Datuk Bandar, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Majlis Jamuan Pesara.

14. Menguruskan dan menyelaraskan TASKA Kuantan Lestari MBK termasuk Majlis Konvokesyen.

AKTIVITI JABATAN

9 April 2025 (Rabu)
Sesi *"Clock Out"* ini diadakan bagi menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan atas segala sumbangan, kepimpinan serta komitmen YH. Dato' Razihan bin Adzharuddin sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Datuk Bandar Ke-2. Majlis ini turut menjadi platform untuk meraikan jasa dan kejayaan yang telah dicapai, memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja serta mendoakan kejayaan beliau dalam meneruskan amanah dan tanggungjawab di jabatan baharu

4 Jun 2025 (Rabu)
Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Datuk Bandar Kuantan diadakan bagi menyempurnakan proses peralihan kepimpinan secara rasmi dan teratur dalam Majlis Bandaraya Kuantan. Majlis ini bertujuan memastikan kesinambungan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat terus berjalan lancar, di samping menzahirkan penghargaan kepada penyandang terdahulu serta memberikan sokongan dan komitmen penuh kepada kepimpinan baharu dalam meneruskan agenda pembangunan dan kecemerlangan

3 Jun 2025 (Selasa)
Majlis *Clock-In* Datuk Bandar Ke-3 diadakan bagi menyambut dan meraikan pelantikan kepimpinan baharu di Majlis Bandaraya Kuantan secara rasmi. Majlis ini bertujuan memperkenalkan Datuk Bandar Ke-3 kepada warga kerja dan pemegang taruh, memperkukuh semangat kebersamaan serta komitmen organisasi, dan menzahirkan sokongan padu terhadap visi, misi serta hala tuju baharu demi memastikan kesinambungan kecemerlangan perkhidmatan dan pembangunan bandar Kuantan.

17 Julai 2025 (Khamis)
Perjumpaan Bersama Datuk Bandar Bil.2/2025 diadakan sebagai platform komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi dan warga kerja Majlis Bandaraya Kuantan. Sesi ini bertujuan menyampaikan amanat, hala tuju serta perkembangan semasa organisasi, di samping memperkukuh penyelarasan tugas, meningkatkan kefahaman terhadap dasar dan perancangan strategik, serta memupuk semangat kerja berpasukan dalam usaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan berkesan kepada masyarakat.

13 Jun 2025 (Jumaat)
Majlis Penyampaian Anugerah ini diadakan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja Majlis Bandaraya Kuantan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, dedikasi tinggi serta komitmen berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Majlis ini turut bertujuan menyuntik motivasi kepada seluruh warga kerja untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan, memupuk budaya kerja berprestasi tinggi dan berintegriti, serta menghargai kesetiaan dan sumbangan berpanjangan dalam memperkukuh kecemerlangan organisasi.

7 Oktober 2025 (Selasa)
Majlis Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ini diadakan untuk memaklumkan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang mengenai perkembangan pembangunan, pencapaian semasa, serta hala tuju strategik Majlis Bandaraya Kuantan. Selain itu, majlis ini bertujuan menzahirkan penghormatan dan taat setia kepada institusi diraja, memperkukuh hubungan antara pihak pengurusan bandaraya dan istana, serta memastikan semua perancangan dan pelaksanaan projek berada selaras dengan aspirasi pembangunan negeri dan kesejahteraan masyarakat.

31 Oktober 2025 (Jumaat)
Majlis Pesara ini diadakan bagi menghargai dan menzahirkan penghormatan terhadap jasa, sumbangan, dan dedikasi warga kerja Majlis Bandaraya Kuantan yang telah bersara. Majlis ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim antara pesara dan warga kerja semasa, memberi inspirasi kepada generasi baharu dalam organisasi, serta meraikan pencapaian sepanjang kerjaya pesara dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan dan perkhidmatan bandaraya.

03 Januari 2025 (Jumaat)
Perjumpaan Kakitangan Kontrak (COS) bagi Notis Pindaan Terma dan Syarat Mengikut SSPA

13 Januari 2025 (Isnin)
Perjumpaan Kakitangan Bagi Pembaharuan Kontrak (COS)

21 Januari 2025 (Isnin)
Perjumpaan Kakitangan bagi Pertukaran Pelantikan (COS ke CFS).

28 April 2025
Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat.

19 Mei 2025
Temu Duga Kenaikan Pangkat Bagi Gred N48.

27 Mei 2025
Temu Duga Artis Budaya Gred B1 (COS).

30 Jun 2025
Ujian Fizikal/Kecergasan Pembantu Penguatkuasa Gred KP.

01 Julai 2025
Perjumpaan bersama SUB BPSM SUK Pahang dan pasukan

14 - 18 Julai 2025
Temu Duga Jawatan Artis Budaya Gred B1.

9 September 2025
Ujian Fizikal Jawatan Pembantu Penguatkuasa dan Pembantu Khidmat Am di Stadium Darul Makmur.

10 - 13 November 2025
Temu Duga Lantikan Tetap Pelbagai Jawatan bagi tahun 2025.



11 Disember 2025
Perjumpaan Tuan Setiausaha Bersama CC Jabatan (Pembantu Tadbir Tertinggi/Kanan)

29 Disember 2025
Taklimat Lapor Diri Lantikan Baharu Tetap di MBK.

8 hingga 10 Januari 2025
Program Saringan Pemeriksaan Kesihatan Warga Kerja MBK bersama Klinik Panel (Poliklinik Ar-Razi).

8 hingga 10 Januari 2025
Taklimat Penilaian Akhir Prestasi *MyPerformance* Tahun 2025 Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang.

Jabatan

SENI BINA

FUNGSI

- Memproses pelan-pelan bangunan.
- Memantau pelan lakar dan pelan setara.
- Mengeluarkan sokongan bagi Taska/Tadika/Pusat Jagaan.
- Pemantauan permit struktur tahunan.
- Pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- Pemantauan projek perumahan sakit dan terbengkalai.
- Pemantauan bangunan 5 tingkat ke atas yang melebihi 10 tahun.
- Menyediakan ulasan projek pembangunan dan projek penswastaan Majlis.
- Melaksanakan operasi meroboh bangunan tanpa kelulusan.
- Mengeluarkan surat sokongan bagi penginapan dan asrama pekerja.
- Memberi ulasan teknikal kepada permohonan lesen perniagaan.
- Penguatkuasaan terhadap aktiviti pembinaan yang tidak mematuhi syarat bangunan.
- Mengadakan siasatan tapak terhadap aduan awam.
- Penguatkuasaan berkala bagi bangunan lama, bangunan warisan, terbiar, usang dan merbahaya.
- Melaksanakan projek rekabentuk dalaman bangunan MBK bermula dari proses reka bentuk, perolehan dan pengawasan kerja serta proses bayaran kemajuan.

PELAKSANAAN PROGRAM BERDASARKAN PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Pelan Strategik Majlis Bandaraya Kuantan yang melibatkan Jabatan Senibina lebih tertumpu kepada Teras 1 iaitu Keupayaan Ekonomi Bandar Berdaya Saing dan Teras 4 iaitu Pembangunan Lestari dan Berdaya Huni. Teras ini menggariskan beberapa strategi utama, pelan tindakan dan inisiatif strategik atau program yang boleh menjadi rujukan dan panduan pihak Jabatan untuk merangka pelan tindakan bagi tahun 2021 hingga 2025.

Teras 1 - Strategik S1.5
KEUPAYAAN EKONOMI BANDAR BERDAYA SAING
Mempercepatkan Cara Proses Kelulusan Pelan Pembangunan:
i. Inisiatif TFT (Technical Facilitate Team).
ii. Inisiatif F8 (Fast 8).
iii. Mensyaratkan Kelulusan Pelan BOMBA Sebelum CCC dikeluarkan.
iv. Kelulusan Kerja awalan pembinaan selaras UUK13, UKBS (Pahang) 1996.

TAHUN	JUMLAH
2024	41
2025	36

Teras 4 - Strategik S4.1.3
TINGKAT KUALITI ALAM SEKITAR DAN GAYA HIDUP MELALUI PENDEKATAN HIJAU
Bilangan Pembangunan Baru Menggunakan

TAHUN	JUMLAH
2024	202
2025	1,586

Teras 4 - Strategik S4.1.5
TINGKAT KUALITI ALAM SEKITAR DAN GAYA HIDUP MELALUI PENDEKATAN HIJAU
Penguatkuasaan dan Operasi Binaan Tanpa Kelulusan dan

PENGURUSAN KUALITI JABATAN

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (ISO 9001:2015)
Dalam memastikan prosedur kelulusan ke atas pelan-pelan pembangunan dilaksanakan secara terkawal, Jabatan turut mengaplikasikan sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015. Salah satu prosedur teras bagi Jabatan yang terlibat dengan prosedur ISO melibatkan Bahagian Bangunan bagi sesi 2025 adalah seperti berikut :-

KOD	PROSEDUR	BAHAGIAN
PKJ 010	Prosedur Permohonan Pelan Bangunan Baharu	Bangunan
PKJ 011	Prosedur Permohonan Pelan Tambahan	Bangunan

Sesi Pengauditan Pensijilan ISO 9001:2015 telah dijalankan pada 28 Oktober 2025 dan hasil pengauditan yang dilaksanakan itu telah mendapati pelaksanaan kepada prosedur yang berkenaan telah dilaksanakan dengan jayanya tanpa sebarang teguran ketidakakuran serta pematuhan piawaian sepertimana yang telah ditetapkan dalam sistem pengurusan kualiti serta pematuhan kepada indeks klausa yang berkaitan. Selain itu, prosedur ini juga mendapat 'strong point' daripada Auditor melalui penggunaan borang keputusan mesyuarat bagi merekodkan syor/ulasan mesyuarat jika terdapat perbezaan syor yang dibentangkan dalam Mesyuarat Teknikal Dalaman dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

PENCAPAIAN KERJA TAHUN 2025

1. PRESTASI UNIT PENTADBIRAN

Prestasi Unit Pentadbiran sepanjang tahun 2025, dalam melaksanakan skop tugasan secara keseluruhannya amat baik dan boleh dilihat berdasarkan rekod prestasi sepertimana berikut:

Petunjuk Pretasi Utama/Key Performance (KpI) Unit Pentadbiran Jabatan Senibina

BIL	PERKARA	SASARAN 2025 (KPI)	PENCAPAIAN SEHINGGA DISEMBER 2025	PERATUS (%)
1	Pengurusan Surat Masuk	2,500	5,082	203.28%
2	Pengurusan Borang 81 / 82	300	171	57%
3	Pengurusan Mesyuarat / Perbincangan	108	128	118.52%
4	Laporan Prestasi Bulanan	12	12	100%
5	Laporan Prestasi Piagam Pelanggan	12	12	100%
6	Laporan Audit ISO	36	24	100%
7	Laporan Napic	12	12	100%
8	Pengurusan Panjar Wang Runcit	24	45	187.50%
9	Pengurusan Emolumen lebih masa dan tuntutan perjalanan	108	197	182.41%
10	Pengurusan Cuti Sakit dan Cuti Rehat	300	411	137%
11	Program / Libat Urus / Operasi	20	45	225%
12	Pengurusan Tempahan Kenderaan	12	29	241.67%
13	Pemantauan Aduan Awam	200	492	245%
JUMLAH KESELURUHAN		**3,364**	**6,156**	**183%**

2. PRESTASI BAHAGIAN BANGUNAN

Pada tahun 2025, jumlah permohonan proses pelan yang diterima adalah sebanyak 1,806 permohonan dengan hasil keseluruhannya sebanyak RM4,904,995.65 berbanding sasaran RM3,995,200.00 iaitu sebanyak 123%.

2.1 Prestasi bagi Permohonan Baharu di Bahagian Bangunan

BIL	JENIS PERMOHONAN	PRESTASI PERMOHONAN			
		KPI 2024	TAHUN 2024	KPI 2025	TAHUN 2025
1	Pelan Bangunan (PB, PBB, PBS)	205	205	205	203
2	Pelan Bangunan (Pindaan Sebelum CCC)	100	156	150	168
3	Pelan Tambahan Bangunan (PT)	70	64	50	53
4	Pelan Bangunan Sementara	25	25	30	14
5	Pelan Struktur Telekomunikasi	40	15	30	17
6	Pelan Struktur Papan Iklan Luar Premis	50	10	10	9
7	Pelan Struktur Papan Iklan Premis	30	41	40	48
8	Pelan Setara Papan Iklan Perumahan (PIP)	15	6	10	10
9	Pelan Pembinaan Tanpa Kelulusan	170	188	150	224
10	Pelan Pembinaan Mudah Perniagaan	50	63	60	48
11	Pelan Setara Kediaman	7	1	5	4
12	Pelan Lakar	180	251	200	292
13	Pelan Kelulusan Serta Merta	450	584	450	582
14	Pelan Pindaan Sebelum CPC	25	73	25	46
15	Tambahan / Lanjutan Masa	60	77	60	88
JUMLAH KESELURUHAN		**1,487**	**1,759**	**1,455**	**1,806**

2.2 Perbandingan Permohonan Prosesan Pelan 2024 dan 2025

TAHUN	PERMOHONAN	HASIL (RM)
2024	1,759	1,670,945.22
2025	**1,806**	**1,648,424.33**

3. LAPORAN PRESTASI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN DAN PROJEK KHAS TAHUN 2025.

3.1 Prestasi Hasil Unit Pembinaan Tanpa Kelulusan

TAHUN	JUMLAH (RM)
2024	RM455,154.10
2025	RM715,028.03

Perbandingan Kutipan Hasil Tahun 2024 dan 2025

3.2 Laporan Unit Pembinaan Tanpa Kelulusan

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN
1	Memproses Permohonan Pembinaan Tanpa Kelulusan	224 permohonan
2	Menyemak dan lawatan tapak bagi penyediaan ulasan permohonan lesen perniagaan	784 permohonan
3	Mengeluarkan surat sokongan Penginapan Pekerja	45 permohonan

3.3 Laporan Tindakan Penguatkuasaan Sehingga Januari hingga Disember

NO.	KATEGORI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
1	NOTIS	41	39	50	111	47	33	52	60	50	46	39	47	615
2	KOMPAUN	47	61	60	55	44	65	82	71	105	90	89	59	837
3	OPERASI BERSEPADU/ KHAS	4	2	2	5	9	5	5	2	2	5	3	1	45
4	RONDAAN BERSKALA/ SELEPAS CCC	9	29	16	17	18	17	13	20	22	19	16	22	218
5	KESELURUHAN ADUAN (DITERIMA)	10	24	47	119	51	52	46	36	27	35	35	29	511
6	TINDAKAN MEROBOH	22	5	2	23	5	4	7	8	2	8	3	0	80
JUMLAH KESELURUHAN		**133**	**160**	**187**	**330**	**174**	**176**	**205**	**197**	**208**	**203**	**185**	**158**	**2315**

Tindakan Penguatkuasaan yang dijalankan sehingga Januari 2025

Operasi masuk meroboh struktur diatas rezab Jalan Kempadang

Tindakan Penguatkuasaan yang dijalankan sehingga April 2025

Operasi masuk meroboh struktur diatas rezab berhampiran MCKIP

Operasi masuk meroboh struktur diatas rezab (Opps Kabin Kuning)

Tindakan Penguatkuasaan yang dijalankan dalam bulan Jun 2025

Operasi masuk meroboh struktur diatas rezab berhampiran MCKIP

Dataran Sekilau (Binaan Dalam Anjakan)

Tindakan Penguatkuasaan yang dijalankan dalam bulan Oktober hingga Disember 2025

Batu Hitam

Batu Industri Tanah Putih

Taman Impian

3.4 Laporan Prestasi Unit Projek Khas

(A) Unit Pembangunan Rekabentuk

Kerja-kerja Dibawah Unit Rekabentuk ialah:

Mencadangkan dan membuat pemantauan projek-projek baru hiasan dalaman dan projek seni bina menggunakan peruntukan MBK.

Kelulusan Projek Bahagian Penguatkuasaan Bangunan Dan Projek Khas

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	KELULUSAN TAHUN 2024	RM 242,256.80
2	KELULUSAN TAHUN 2025	RM 1,380,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**RM 1,622,256.80**

RINGKASAN STATUS PERUNTUKAN PROJEK 2025						
BIL	**PERKARA**	**KOS YANG DILULUSKAN**	**KOS YANG TELAH DIBAYAR (RM)**	**KOS SEDANG DILAKSANAKAN (RM)**	**KOS YANG DIBAWA KE TAHUN 2026**	**BATAL**
1	BAH. PENGUATKUASAAN BANGUNAN DAN PROJEK KHAS	RM 1,622,256.80	RM 242,256.80	RM 1,612,626.80	RM 1,370,370.00	-

BIL	PROJEK	NAMA KONTRAK-TOR/ ARKITEK	KOS YANG DILULUSKA-N	KOS PROJEK (RM)	KOS YANG DIBAYAR (RM)	KOS YANG DIBAWA KE 2026	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS
1	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DALAM BILIK PERSALINAN PENGUATKUASA LELAKI DAN PEREMPUAN DI ARAS 2 SERTA BILIK LATIHAN STUDIO KUMBO DI ARAS BAWAH BANGUNAN LAMA MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN	AFFESYA ENTERPRISE	RM 242,256.80	242,256.80	242,256.80	-	11.10. 2024	19.09. 2025 (EOT KE 3)	KERJA DI TAPAK TELAH SIAP DAN PROSES BAYARAN SEDANG DIBUAT
2	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF LOBI UTAMA DI ARAS BAWAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN (FASA 1) DI BANGUNAN KOMPLEKS IBU PEJABAT MBK	MSR ARKITEK	RM 1,000,000.00	-	-	RM 1,000,000.00	-	-	PIHAK ARKITEK TELAH MENYIAPKAN DOKUMEN TENDER DAN LUKISAN KERJA UNTUK PROSES PEROLEHAN
3	CADANGAN MENGADAKAN BILIK REGISTERI, BILIK OPERASI BENCANA, BILIK UTILITI DAN BILIK REHAT PENCERAMAH DI ARAS 2 DI BANGUNAN KOMPLEKS IBU PEJABAT MBK	ABM ENGINEERING	RM 380,000.00	RM 370,370.00	-	RM 370,370.00	15.10. 2025	20.01. 2026	85% KEMAJUAN KERJA DI TAPAK
JUMLAH KESELURUHAN		**RM 1,622.256.80**	**RM 612,626.80**	**RM 242,256.80**	**RM 1,370,370.00**				

i. Kerja-kerja pengubahsuaian dalam bilik persalinan penguatkuasa lelaki dan perempuan di aras 2 serta bilik latihan Kombo di aras bawah Bangunan Lama Majlis Perbandaran Kuantan.

STATUS	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS	KOS YANG TELAH DIBAYAR	KONTRAKTOR
KERJA DI TAPAK SIAP	07.02.2025	19.09.2025 (EOT KE 3)	RM 242,256.80	RM 242,256.80 (WJP RM 12,112.84)	AFFESYA ENTERPRISE



STUDIO KOMBO


BILIK PERSALINAN PENGUATKUASA LELAKI

BILIK PERSALINAN PENGUATKUASA WANITA

ii. Cadangan menaik taraf lobi utama di aras bawah dan kerja-kerja berkaitan (Fasa 1) di Kompleks Bandaraya Kuantan

STATUS	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS	KOS YANG TELAH DIBAYAR	PERUNDING
Pihak Arkitek telah menyiapkan dokumen tender dan lukisan kerja untuk proses perolehan	-	-	RM 1,000,000.00	-	MSR ARCHITECT

HALL OF FAME

LOBI UTAMA

LIFT

iii. Cadangan Mengadakan Bilik Registeri, Bilik Operasi Bencana,Bilik Utiliti dan Bilik Rehat Penceramah di aras 2 Bangunan Kompleks Ibu Pejabat MBK

STATUS	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS	KOS YANG TELAH DIBAYAR	KONTRAKTOR
Kerja-kerja di tapak telah siap sebanyak 85%	15 Oktober 2025	20 Januari 2026	RM 370,370.00	-	ABM ENGINEERING



BILIK REGISTERI

BILIK REHAT PENCERAMAH

Penyediaan Rekabentuk bagi Projek di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

Bahagian juga turut membantu Jabatan Kemasyarakatan dan Pelancongan bagi menyediakan rekabentuk Cadangan Pembangunan Semula Pantai Cherating untuk dibentangkan bagi mendapatkan peruntukan daripada MOTAC.

Kompleks Budaya Cherating



3.5 Laporan Prestasi Unit Konsevasi Warisan

1. Pada tahun 2025 Bahagian Penguatkuasaan Bangunan dan Projek Khas telah membuat Inventori bangunan lama di Jalan Besar dan Jalan Mahkota. Sebanyak 197 lot yang telah dibahagikan mengikut Blok.

2. Berdasarkan beberapa kejadian kebakaran yang telah berlaku di bangunan rumah kedai lama yang melibatkan isu keselamatan kepada pengguna dan orang awam. Setiap pemilik dan penyewa bangunan perlu mengambil langkah segera dengan menjalankan pemeriksaan pendawaian elektrik melalui perakuan jurutera kompeten yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

3. Pemilik dan penyewa diberi tempoh sehingga akhir tahun 2026 bagi mengemukakan pengesahan pemeriksaan berkenaan sebelum pembaharuan lesen perniagaan bagi tahun 2027.

4. Sehingga kini seramai 6 pemilik/penyewa telah mengemukakan perakuan tersebut.

Pembahagian kategori bangunan lama mengikut blok:

Penggantian;
Bangunan sedia ada yang tiada ketara dimana pembangunan semula yang sensitif adalah dibenarkan.



LAPORAN TINDAKAN SURAT EDARAN KEPADA PEMILIK / PENYEWA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA / WARISAN DI JALAN MAHKOTA DAN JALAN BESAR

PEMILIK/ PENYEWA	BLOK											JUM
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	
Tarikh Hantar	12& 13/9	13/0 9/20 26	17/0 9/20 26	18/0 9/20 26	25/0 9/20 26	29/0 9/20 26	30/0 9/20 26	2/ 10	3/ 10	9/ 10	9/ 10	10 Hari
Terimaan Tangan	11	16	13	9	7	10	16	15	5	7	10	119 (61%)
Premis Tutup	2	4	4	8	12	8	-	5	10	4	3	60 (30%)
Tidak Mahu Terima	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
Ulangan	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	3 (1.5%)
Lain-lain	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3 (1.5%)
Infill	-	-	-	-	1	-	4	-	-	-	-	5 (%)
JUMLAH KESELURUH-AN	**19**	**20**	**20**	**17**	**20**	**20**	**20**	**20**	**15**	**11**	**13**	**195 (100%)**
Senarai Edaran	19	20	20	17	20	20	20	20	15	11	13	195
Keseluruhan Lot Bangunan	19	20	20	18	20	20	20	20	16	11	13	197

LAPORAN MAKLUMBALAS DARIPADA PEMILIK / PENYEWA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA / WARISAN DI JALAN MAHKOTA DAN JALAN BESAR

PEMILIK/ PENYEWA	BLOK											JUM
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	
TERIMA PERAKUAN				3	1							4
JUMLAH				**3**	**1**							**4**
HADIR			1	2	1							4
TELEFON			3	1		1					1	6
JUMLAH			**4**	**3**	**1**	**1**					**1**	**10**

BORANG SOAL SELIDIK			1	2	1							4
JUMLAH			**1**	**2**	**1**							**4**
BORANG I				1								1
BORANG G				2	1							3
BORANG H				2	1							3
JUMLAH BORANG				**5**	**2**							**7**
Senarai Edaran	19	20	20	17	20	20	20	20	15	11	13	195
Keseluruhan Lot Bangunan	19	20	20	18	20	20	20	20	16	11	13	197

4. PRESTASI JABATAN TAHUN 2025

4.1 Perbandingan Kutipan Hasil Jabatan Tahun 2024 dan 2025

TAHUN	JUMLAH (RM)
2024	5,008,206.55 (125%)
2025	4,904,995.65 (123%) (sehingga Disember 2025)

BIL.	KUTIPAN HASIL	SASARAN 2025 (RM)	TERIMAAN 2025 (RM) (SEHINGGA DISEMBER 2025)	%
1	Permit Struktur	65,000.00	120,038.00	185%
2	Permit Letak Bahan Binaan	60,000.00	77,918.00	130%
3	Permit Bangunan Sementara/Tetap/Permit Khas	1,371,100.00	1,697,939.47	124%
4	Terimaan Prosesan	1,531,400.00	1,648,424.33	108%
5	Jualan Dokumen & Pelan/Terimaan Perkhidmatan Lain	7,500.00	9,880.00	132%
6	Jualan Patil	15,000.00	13,960.00	93%
7	Pelbagai Denda dan Hukuman	945,250.00	1,336,835.85	141%
JUMLAH KESLURUHAN HASIL		**3,995,250.00**	**4,904,995.65**	**123%**

Justifikasi Pencapaian Hasil

a) Hasil Pembaharuan Permit Struktur Telekomunikasi memberi sumbangan dan peningkatan besar kepada prestasi hasil iaitu sebanyak RM1,077,191.00 (160%).

b) Hasil bagi Perkhidmatan Prosesan Pelan Bangunan juga meningkat kepada 124% berbanding tahun sebelumnya (102%) dengan jumlah hasil berjumlah RM941,176.82.

5. PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN

Prestasi perbelanjaan yang dikawal oleh Jabatan melalui peruntukan yang diluluskan oleh MBK, keseluruhannya amat baik dan boleh dilihat berdasarkan rekod prestasi sebanyak 73.81% bagi tahun 2025 sepertimana berikut:

Ringkasan Laporan Perbelanjaan Bagi Tahun 2024 dan 2025

BIL	KETERANGAN	ANGGARAN BELANJA 2024 (RM)	PERBELANJAAN 2024 (RM)	(%) BELANJA	ANGGARAN BELANJA 2025 (RM)	BELANJA 2025 (RM)	(%) BELANJA
A	Emolumen dan Bekalan Bahan Bermasak	135,000.00	56,597.40	41.92	94,765.36	90,266.84	95.25%
B	Bekalan Pejabat	221,850.00	166,189.93	74.91	168,000.00	96,603.11	57.50%
C	Penyelenggaraan dan Lengkapan Pejabat	797,000.00	567,154.53	71.16	170,539.95	132,970.00	77.97%
D	Perkhidmatan dan Honororium						
JUMLAH		**1,153,850.00**	**789,941.86**	**68.46**	**433,305.31**	**319,839.95**	**73.81%**

KECEMERLANGAN JABATAN

1. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

BIL.	NAMA KUMPULAN	PENCAPAIAN
1	ASPS (Gabungan Bersama Bahagian Pelesenan Jabatan Kawalan Perniagaan dan Perkhidmatan Perbandaran)	Tempat Kedua Pertandingan Inovasi Peringkat Majlis Bandaraya Kuantan

2. ANUGERAH

Pada tahun 2025, Jabatan Seni Bina telah memenangi beberapa anugerah di peringkat Majlis Bandaraya Kuantan. Anugerah-anugerah yang dimenangi adalah seperti berikut:

BIL.	ANUGERAH	PENCAPAIAN
1	Anugerah Khas Pembekal Data Terbaik NAPIC	Anugerah Khas Kategori PBT Negeri Pahang
2	Anugerah Dekorasi Hari Raya 2025	Tempat Pertama
4	Anugerah Sudut Integriti 2025	Tempat Pertama
3	Anugerah Sudut Kitar Semula 2025	Tempat Kedua
4	Anugerah Tempat Kerja Selamat 2025	Tempat ketiga Kategori Pejabat

AKTIVITI, PROGRAM DAN PENGLIBATAN KAKITANGAN

1. SUKAN KERAJAAN TEMPATAN (SKT) KE IX TAHUN 2025 - KUANTAN

Pada tahun 2025, Kuantan dipilih sebagai tuan rumah bagi kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan kali ke-10. Penglibatan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Kuantan bagi jawatankuasa yang terlibat serta urusetia pertandingan dan juga atlet-atlet dalam kalangan pegawai serta kakitangan. MBK dinobatkan sebagai juara keseluruhan edisi kali ini dengan menjuarai 10 acara sukan yang dipertandingkan. Seramai 5 orang kakitangan dari jabatan ini yang terlibat dalam kejohanan ini mewakili MBK serta meraih kejuaraan. Di antara acara sukan yang dipertandingkan yang telah dijuarai oleh kakitangan adalah karom, pingpong, pentaque, manakala dart tempat ke-3 dan takraw tempat ke-5.

2. PROGRAM GOTONG-ROYONG

"Taskforce" di bilik fail Kompleks Sukpa telah mula dilaksanakan atas arahan pihak pengurusan. Kerja gotong royong dibuat mengikut jadual bermula Januari hingga penghujung Mei 2025. Penglibatan dari semua kakitangan dalam memastikan tindakan menyisih mana-mana fail yang melebihi tempoh 10 tahun dan ke atas bagi fail-fail Am, merekod dan menyimpan ke dalam kotak bagi fail-fail fungsian bagi persediaan perpindahan ke Kompleks Pasar Borong. Gotong-royong bagi perpindahan semua fail dari Kompleks Sukpa ke Bilik Fail Pasar Borong dilaksanakan pada 11 Jun 2025, melibatkan seramai 12 anggota UTK serta 10 orang kakitangan di Jabatan. Tindakan ini dilaksanakan dalam tempoh 9.00 pagi hingga 2.00 petang, hasil daripada komitmen semua yang terlibat.

Taskforce bilik fail SUKPA sebelum perpindahan fail

Taskforce perpindahan fail ke Pasar Borong

3. PROGRAM CUCI-CUCI MALAYSIA 2025

Program Cuci-cuci Malaysia 2025, sebelum ini dikenali dengan Program "World Clean Up Day" telah melibatkan gabungan Jabatan Seni Bina dan Jabatan Perancangan Pembangunan. Semua warga kerja kedua-dua jabatan berserta NGO dan pelajar-pelajar IPTA turut sama menjayakan program ini yang lokasinya di Taman Esplanade, Tanjung Api. Kejayaan kepada program ini apabila keseluruhan lokasi program jumlahnya dikumpulkan dan tersenarai dalam "The Guiness Book of Record".

4.Program
Hari Sukan Negara
2025

5. Program Sukan Kerajaan Tempatan (SKT) ke - IX Tahun 2025 - Kuantan

6. Program
"Car Free Day"

7. Program
1 Sukan
1 Jabatan

RUMUSAN DAN PENUTUP

- Prestasi kutipan hasil Jabatan Seni Bina pada tahun 2025 amat memberangsangkan iaitu berjaya memperolehi RM4,904,995.65 dengan peratusan sebanyak (123%) berbanding sasaran asal iaitu RM3,995,250.00 Peningkatan prestasi hasil ini bagi bulan September memberikan sumbangan yang besar iaitu melalui denda dan rampasan.
- Kejayaan jabatan dalam melaksanakan kerja-kerja, aktiviti dan program adalah disebabkan oleh kerjasama dan komitmen baik antara kakitangan serta kreativiti mereka dalam menghasilkan inovasi dan idea-idea baru dalam pekerjaan.

Jabatan

PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

FUNGSI

- Menjalankan kerja-kerja penilaian kadaran di dalam kawasan pentadbiran Majlis mengikut peruntukan di Bahagian XV (Kadar dan Nilaian) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

- Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi tuntutan Sumbangan Membantu Kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

- Menguruskan pelaksanaan pindaan senarai nilaian beserta pendengaran bantahan ke atas pegangan berkadar.

- Menguruskan permohonan pemulangan balik cukai (remisi) kepada pemilik pegangan.

- Menguruskan permohonan pindah milik pegangan sepertimana di bawah peruntukan Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

- Pengurusan penyewaan ke atas aset Majlis meliputi gerai, pasar awam, tanah dan bangunan milik Majlis.

- Melaksanakan penilaian ke atas harta-harta Majlis bagi mendapatkan nilaian pasaran dan sewaan bagi tujuan projek penswastaan, insurans kebakaran serta penyediaan penyata kewangan Majlis.

- Menguruskan aset-aset milik Majlis dari aspek penyelenggaraan, insurans dan pengurusan utiliti bagi memastikan aset dalam keadaan baik dan selamat serta memberikan pulangan yang optimum kepada Majlis.

- Pengurusan pentadbiran dan kewangan bagi Pusat Transformasi Bandar termasuk pengurusan sewaan, pengurusan rekod dan statistik pengunjung, pengurusan aset UTC, penyelenggaraan, pengurusan pembersihan, kawalan keselamatan dan pengurusan pelanggan yang hadir.

PRESTASI KERJA

BIL	PERKARA	TAHUN 2024	TAHUN 2025
1	Cukai Taksiran Semasa	75,295,034.01	64,842,442.59
2	Sumbangan Membantu Kadar (Persekutuan)	5,403,904.75	3,491,826.15
3	Sumbangan Membantu Kadar (Negeri)	1,108,020.80	1,166,140.80
4	Sumbangan Membantu Kadar (Badan Berkanun)	833,785.80	895,346.60
5	Bayaran Proses Pindah Milik (Borang I)	270,520.00	160,410.00
6	Jualan Dokumen Sebutharga/Tender Penilaian	0	0
7	Jualan Dokumen dan Pelan	3,900.00	12,570.00
8	Sewa Bangunan Perniagaan/Gerai MBK	100	4,309,794.75
9	Sewa Bangunan Perusahaan	205,760.00	179,620.00
10	Sewa Dewan/Bilik Mesyuarat	43,300.00	39,290.00
11	Sewa Bangunan Pejabat/Agensi	2,070,216.80	1,680,716.80
12	Sewa Rumah Rehat	389,892.70	321,110.00
13	Sewa Tapak	313,349.71	293,319.45
14	Sewa Pasar	1,579,252.30	1,295,317.80
15	Sewa Agensi UTC	1,351,281.74	1,332,704.62
JUMLAH		**88,034,528.00**	**80,020,609.56**

AKTIVITI JABATAN

Temuduga Terbuka Tawaran Kekosongan Premis Majlis

Gotong-royong Membersihkan Premis Majlis

Sesi Libat Urus Bersama Peniaga/Penyewa

Operasi Bersama Unit Pasar dan Penguatkuasa Majlis Bandaraya Kuantan Di Pasar Besar Kuantan

Sesi Taklimat Dan Penyerahan Surat Tawaran Sewaan Gerai Premis Majlis

Jabatan

UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

FUNGSI

- Menjayakan operasi penguatkuasaan melalui perancangan strategi termasuk rondaan berkala dan operasi bersepadu.
- Melaksanakan tindakan pengeluaran notis amaran, mengurus proses rayuan kompaun, operasi penyitaan dan pelupusan barang sitaan berlandaskan peruntukan yang diguna pakai di Majlis Bandaraya Kuantan.
- Melaksanakan pengurusan aduan pada peringkat penerimaan, siasatan dan seterusnya laporan siasatan dengan cekap dan responsif.
- Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan.
- Penguatkuasaan kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.
- Penguatkuasaan terhadap aktiviti penjajaan yang melanggar syarat permit, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.
- Penguatkuasaan terhadap iklan tanpa kebenaran, premis tidak berlesen, aktiviti tidak berlesen dan melanggar syarat lesen.
- Penguatkuasaan terhadap vandalism dan kerosakan harta awam dan majlis di taman awam, pantai dan kawasan tumpuan ramai.
- Penguatkuasaan pelanggaran syarat kelulusan perintah pembangunan.
- Penguatkuasaan kesalahan kacau ganggu pembinaan terhadap orang awal.
- Menyediakan pasukan tindakan pantas untuk bantuan awal semasa bencana dan melakukan pemantauan serta kawalan di Pusat Pemindahan Bencana.
- Menyediakan kawalan keselamatan terhadap aset dan harta benda Majlis Bandaraya Kuantan.
- Menjalankan tindakan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta/Undang-Undang Kecil yang digunapakai MBK.
- Menyelaras tindakan tuntutan sivil di mahkmah yang melibatkan tuntutan hutang sewaan, cukai taksiran , tuntutan gantirugi dan lain-lain tuntutan sivil.
- Memberi nasihat perundangan dan melindungi kepentingan MBK dari segi perundangan.
- Menyediakan perjanjian dan/atau menyemak perjanjian yang melibatkan MBK dengan pihak luar.

PRESTASI KERJA

BIL	PERKARA	TAHUN 2024	TAHUN 2025
1.	Dokumen Perjanjian yang Disediakan atau Disemak bagi Memastikan Hak dan Kepentingan Majlis Terjamin	1,143	1,517
2.	Bilangan Gubalan Undang-Undang Baru atau Pindaan Undang-Undang Sedia Ada	7	7
3.	Bilangan Pelaksanaan Operasi Waran Tangkap	2	6
4.	Bilangan Penghantaran Kertas Siasatan ke Timbalan Pendakwa Raya bagi Tujuan Pendakwaan di Mahkamah	3,924	1,059
5.	Bilangan Penyediaan Dokumen Saman bagi Tindakan Mahkamah	3,777	1,434
6.	Bilangan Pendaftaran Dokumen Saman bagi Tindakan Pendakwaan di Mahkamah	4,339	2,329
7.	Hasil Bayaran Tuntutan Sivil	RM68,495.00	RM15,926.00

AKTIVITI JABATAN





Tindakan Penguatkuasaan Penyediaan Kertas Siasatan



Tindakan Penguatkuasaan Kunci Tayar/Tunda



Tindakan Penguatkuasaan Kenderaan Berat

Tindakan Penguatkuasaan Lelongan Barangan Sita

Tindakan Penguatkuasaan Judi *Online*

Tindakan Penguatkuasaan Pusat Snooker

Tindakan Penguatkuasaan Kaki Lima/
Siar Kaki Lima

Tindakan Penguatkuasaan Halangan Lorong
Belakang Premis

Tindakan Penguatkuasaan Tuntutan Tunggakan Hasil

Tindakan Penguatkuasaan Kepada Meninggalkan Barangan Perniagaan di Lorong Belakang



Tindakan Penguatkuasaan Pemantauan CCTV

Tindakan Penguatkuasaan Rondaan Basikal

Tindakan Kawalan Keselamatan Peletakan Kenderaan di letak kereta EV Tesla



Tindakan Kawalan Keselamatan Di Stor Penyimpanan Kereta



Tindakan Kawalan Keselamatan di kawasan Majlis

Roll Call

Tindakan Kawalan Keselamatan di kawasan Majlis

Kawad

Perbarisan Sempena Hari Kemerdekaan

Latihan Jasmani

Program Tanda Tangan Perjanjian

Kursus Ketahanan Fizikal Anggota Kawalan Keselamatan

Jabatan

PERANCANG BANDAR

FUNGSI

Bahagian Kawalan Pembangunan Dan GIS

- Memproses Kebenaran Merancang (KM/KMTT)
- Mengeluarkan Kelulusan Kebenaran Merancang (C1)
- Pelaksanaan Dasar/Garis Panduan Pekeliling Perancangan
- Pelaksanaan Caj Pemajuan
- Memproses Pandangan Dasar
- Memberi Ulasan Perancangan
- Memproses Penomboran Nama Taman/Jalan/Lorong/Nombor Bangunan
- Pemeriksaan Dan Ulasan CCC
- Mengurus Pangkalan Data Majlis
- Kolaborasi Data Geospatial
- Menyediakan Pelan dan Data Geospatial
- Kemaskini Pelan Komprehensif
- Memproses Permohonan *Guarded Neighbourhood*

Bahagian Pembangunan Mampan Dan Penswastaan

- Program Bandar Mampan (Murninets)
- *Low Carbon City Framework* (LCCF)
- Program Bandar Selamat
- Program Kejiranan Hijau
- *Sustainable Development Goals* (SDGs)
- Menyediakan Pelan Tindakan
- Bandar Pintar Kuantan 2030
- Memberi Ulasan Perancangan Bagi Projek Pelaburan
- Menguruskan Pemajuan Tanah Majlis Secara Penswastaan
- Mencari Dan Mendapatkan Pelabur Yang Berpotensi Untuk Pembangunan Hartanah Dan Aset Majlis
- Menyelaras Sewaan Hartanah Majlis Dan Aset Penswastaan
- Menyediakan Cadangan Dan *"Benchmark"* Projek Bagi Tanah Dan Aset Majlis

Bahagian Rancangan Pemajuan

- Memproses Permohonan Tapak Iklan Luar Premis
- Pemantauan Hasil Dan Penguatkuasaan Tapak Iklan Luar Premis
- Memberi Ulasan Perancangan :
  1.Lesen Premis
  2. Lesen Penjaja
  3. Tapak Jaja
  4. Menara Komunikasi
  5. Rumah Ibadah Bukan Islam
  6. LPS
  7. Hakmilik
  8. Rizab
  9. Hak Laluan
- Memproses Permohonan Pengangkutan:
  1.Tempat Letak Kenderaan Berat
  2. Laluan Bas Ekspres
- Penyediaan Rancangan Pemajuan:
  1.RSN
  2. RTD
  3. PTK
  4. RKK
- Permohonan Tanah-tanah Majlis
- Merekod Dan Mengurus Tanah-Tanah Majlis

Memastikan Bandaraya Kuantan mempunyai kemampuan sebagai Sebuah Bandar Berdaya Saing dan Bertaraf Global dengan mengambil kira tujuh (7) Teras Kajian Pelan Induk Bandaraya Kuantan.

PRESTASI KERJA

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN GIS

1. Prestasi Bahagian Kawalan Pembangunan dan GIS secara keseluruhannya adalah mencapai sasaran, berdasarkan kutipan hasil tahunan dan pencapaian dalam aktiviti yang telah ditetapkan. Kutipan hasil yang diperoleh melalui Bahagian Kawalan Pembangunan Dan GIS adalah sebanyak RM4,723,872.90 bersamaan 79% daripada hasil keseluruhan Jabatan (RM5,956,978.01).

BIL	KOD	JENIS HASIL UTAMA	ANGGARAN HASIL JABATAN	HASIL BAHAGIAN	%
1.	72202	Terimaan Prosesan	1,745,000.00	1,864,409.91	107.0
2.	72502	Sumbangan Agensi/Swasta	40,000.00	139,210.22	348.0
3.	72506	Terimaan Caj Pemajuan	4,000,000.00	2,669,780.00	66.70
4.	73103	Jualan Dokumen dan Pelan	96,000.00	50,472.77	53.0
JUMLAH BESAR HASIL			5,881,000.00	4,723,872.90	80.0

Jumlah hasil tersebut diperoleh melalui proses kerja dan tugasan yang telah ditetapkan, dengan jumlah keseluruhan 12,448 melibatkan Unit Kebenaran Merancang (469), Unit Kejiranan (697), dan Unit GIS (11,282). Selain daripada hasil proses kerja, terdapat dua (2) sumber hasil baharu iaitu sebanyak RM2,669.780.00 (kutipan caj pemajuan) dan RM50.472.77 (penjualan data dan pelan GIS).

2. Semua aktiviti yang telah ditetapkan telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2025:

- Unit Kebenaran Merancang: Kebenaran Merancang (KM), Kebenaran Merancang
- Perubahan Material, Rayuan Kebenaran Merancang, Kelulusan Pra-hitungan, dan Permohonan Pandangan Dasar.
- Unit Kejiranan: Semua aktiviti
- Unit GIS: Semua aktiviti

Terdapat 2 aktiviti yang tidak mencapai sasaran iaitu Pertukaran Penomboran/Alamat Pendigitalan Pertukaran Penomboran disebabkan oleh jumlah permohonan yang diterima berkurangan.

3.Pada tahun hadapan, bahagian ini menjangkakan prestasi perolehan hasil dapat ditingkatkan melalui caj pemajuan kerana terdapat baki ansuran caj pemajuan yang masih belum dijelaskan oleh pemaju, termasuklah caj pemajuan yang akan dikenakan bagi permohonan baharu.

4.Jumlah permohonan Kebenaran Merancang juga dijangka meningkat berikutan dengan dasar-dasar baru yang memerlukan permohonan Kebenaran Merancang seperti Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan, Kebenaran Merancang Perubahan Material (KMPM) untuk bangunan yang melebihi 4 unit dan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Tambahan Ubah Suai).

5. Menyelaras penggunaan Portal GIS di Majlis.

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN GIS

1.Prestasi Bahagian Pembangunan Mampan bagi tahun 2025 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan melalui pencapaian pelbagai anugerah berprestij, khususnya SDG *City Award* Peringkat Asia Pasifik yang telah diadakan di Bali, Indonesia. Selain itu, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) turut menerima Anugerah Bandar Paling Mampan 2025 bagi kategori Bandaraya. Seterusnya, MBK telah dianugerahkan Diamond Winner (Tempat Pertama) dalam MyPLACE Awards 2025 bagi dua kategori, iaitu Kategori 3: *Community and Neighbourhood Park (Public Park)* melalui projek The Seaside Park @ Gelora serta Kategori 4: *Outdoor Space (Public Outdoor Space)* melalui projek The Kuantan Esplanade – *Where People & Place Connect.*

2. Pada tahun ini, Bahagian Penswastaan telah memproses sebanyak 10 permohonan bagi Projek Penswastaan dan membuat kutipan hasil sebanyak RM4,000.00.

3. Antara aktiviti yang telah mencapai sasaran termasuk:

- Unit Mampan: MURNInets mencapai tahap Paling Mampan (Kategori Bandaraya), melengkapi Laporan *Voluntary Local Review* 2025 (VLR) dan Pelan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan Kuantan (SDG *Roadmap)*.
- Unit Penswastaan: 100% peratusan pencapaian objektif kualiti bagi Ulasan Projek Pelaburan PSK dan 100% peratusan pencapaian objektif kualiti bagi Ulasan Permohonan Mineral JMG.

BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

1.Sepanjang tahun 2025, Bahagian telah berjaya menjana hasil berjumlah RM1,396,800.00 bersamaan 113%. Penyumbang terbesar kepada hasil Bahagian adalah sewaan tapak iklan iaitu sebanyak RM1,333,207.00 (111%).

2. Peningkatan prestasi dan hasil yang diperoleh adalah daripada komitmen kakitangan Bahagian yang memproses permohonan papan iklan luar premis dan menerima bayaran sewaan tapak pada setiap bulan.

3.Selain daripada itu, Bahagian turut diberi tanggungjawab untuk menyampaikan taklimat berkaitan perancangan pembangunan di Daerah Kuantan kepada pihak pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Majis Bandaraya Diraja Klang. Taklimat ini disampaikan oleh Ketua Bahagian Rancangan Pemajuan.

4.Secara keseluruhannya, pencapaian hasil dan kuantiti kerja Bahagian berada di tahap yang baik kerana terdapat peningkatan di dalam permohonan sekaligus memberi kesan positif kepada hasil Bahagian. Pengukuhan kemahiran dan motivasi kakitangan dalam mempertingkatkan produktiviti dan hasil kerja menunjukkan bahawa prestasi Bahagian telah dipertingkatkan dengan signifikan berbanding tahun lalu.

Secara keseluruhannya, tahun 2025 merupakan tahun yang amat membanggakan bagi Jabatan Perancang Bandar kerana telah mencapai pelbagai pencapaian cemerlang telah diraih sepanjang tahun ini yang melibatkan:-

- Kualiti Kerja
- Fokus dan Komited
- Kajian Khas
- Kertas Khas
- Hasil
- Anugerah/Pengiktirafan

HASIL

RM5,828,578.01
Mencapai 79.59% daripada sasaran 2025

KAJIAN KHAS

Pelan Bandar Pintar 2030
***Green Kuantan* 2030**
Food Security Kuantan 2030
Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (Pengubahan 1)
Laporan Kuantan *Voluntary Local Review* dan SDG *Roadmap*

KUALITI KERJA

7,726 tindakan yang telah dilaksanakan

SUMBANGAN/ AKTIVITI

4TH SDG *CITY AWARD ASIA-PACIFIC*
Anugerah Bandar Paling Mampan (Kategori Bandaraya)
MYPLACE AWARD 2025 (DIAMOND: 2 KATEGORI)
Johan Inovasi (Kategori Pengurusan)
Tempat PERTAMA Audit Keselamatan Tempat Kerja
WORLD CLEAN UP DAY
Kuantan Car Free Day

AKTIVITI JABATAN

20 hingga 23.1.2025
Kajian Keperluan Pengguna (URS) bagi Pembangunan Portal GIS 2025





22 hingga 24.4.2025
Resident Engineer (RE) bagi Pembangunan Portal GIS 2025

17 hingga 19.9.2025
Kajian Pra Ujian Penerimaan Pengguna (PRA-UAT) bagi Pembangunan Portal GIS 2025



15 hingga 17.10.2025
Kajian Pra Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Pembangunan Portal GIS 2025

19 hingga 21.11.2025
Kajian Ujian Penerimaan Akhir (FAT) bagi Pembangunan Portal GIS 2025



Taklimat Caj Pemajuan Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA)

Pelan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan Kuantan (SDGs *Roadmap)* dan laporan *Voluntary Local Review* (VLR)

8 hingga 11.9.2025
8th Asean *Smart Cities Network* (ASCN8)

19 hingga 21.12.2025
Pahang Teknologi Revolusi Expo (Trex 2025)

Bandar Selamat *(Safe City):*
Program Bandar Selamat Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot 2025

Projek Kebun Komuniti
1.Fertigasi dan Hidroponik Sayuran

2. Tapak Kolam Ikan

3. Cili Fertigasi

4. Penanaman Terung

Anugerah Mampan
1.4th SDG *City Award*

2. Anugerah Bandar Mampan

12.9.2025
MyPLACE Award 2025

21 hingga 23.4.2025
Smart Green ASEAN *Cities,*
Ipoh, Perak

26 hingga 28.10.2025
CityNet Bali, Indonesia

Study Tour to The Netherlands

Jabatan

KEJURUTERAAN

FUNGSI

- Melaksanakan semua projek-projek yang telah diluluskan kepada MBK dilaksanakan dengan sempurna dan selamat untuk kemudahan rakyat Kuantan dan pengguna.
- Memproses dan meluluskan pelan-pelan infrastruktur (pelan kerja, jalan dan perparitan)
- Memproses permohonan dan mengeluarkan permit/kelulusan kerja korek gali kepada pemohon.
- Melaksanakan projek-projek jalan sama ada jalan baru atau menyelenggaraan jalan-jalan lama dalam kawasan MBK.
- Memastikan semua tawaran kerja kontrak dilaksanakan dengan adil dan mengikut pekeliling yang ditetapkan.

PRESTASI KERJA

BAHAGIAN PROJEK DAN REKABENTUK BAGI TAHUN 2025

BIL	SUMBER PERUNTUKAN	TAHUN 2025	
		BIL PROJEK	KOS (RM)
1	(KPKT) - KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN	43	8,430,928.32
2	(SDO) - PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI PAHANG	1	2,398,980.00
3	(MEA) - KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI	36	7,937,061.40
4	(KCS) - KUTIPAN CARUMAN SALIRAN	7	12,025,422.40
5	(MARRIS) - MALAYSIA ROAD REGISTERATION INFORMATION SYSTEM	33	3,150,282.40
6	(MOF) - KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	5	16,327,042.30
7	(BPEN) - BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PAHANG	3	922,953.00
8	(MBK) - MAJLIS BANDARAYA KUANTAN	8	3,737,482.50
9	(MOTAC) MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE	4	4,424,170.79
10	(SUK) BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN	8	10,210,740.00
11	RMKe-12	1	68,000,000.00
JUMLAH		**149**	**76,365,063.11**

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR BAGI TAHUN 2025

BIL.	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	HASIL (RM)
1	PERMOHONAN BARU (INFRA)	136	734,185.90
2	PINDAAN PELAN (INFRA)	58	11,600.00
3	LANJUTAN KELULUSAN (INFRA)	33	17,088.14
4	*AS-BUILT PLAN*	118	23,600.00
5	PERMOHONAN BARU LAMPU JALAN	78	3950
6	KERJA-KERJA AWALAN	14	14,000.00
7	PERMOHONAN BARU (RUMAH BANGLO)	77	26,639.39
8	BAYARAN DENDA KERJA TANAH	23	400,000.00
9	PERMIT PENUTUPAN JALAN	160	18,012.10
10	SUMBANGAN LONGKANG DAN PARIT	68	380,450.00
11	DEPOSIT KERJA TANAH	111	2885990.95
	JUMLAH	**876**	**4,515,516.48**

BIL	PERKARA	SASARAN TAHUNAN (RM)		BULAN												JUMLAH
				Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dec	
1	TENDER	25000	150.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			200.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			300.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			350.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			400.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	SEBUTHARGA	30,000.00	30.00	0	0	584	0	0	174	29	0	72	0	226	150	1235
			50.00	0	44	340	77	156	297	188	0	90	0	164	149	1505
			100.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		55,000.00		0	44	924	77	156	471	217	0	162	0	390	299	2740

BIL	PERKARA	SASARAN TAHUNAN (RM)		BULAN												JUMLAH
				Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dec	
1	TENDER	25000	150.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			200.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			300.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			350.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			400.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	SEBUTHARGA	30,000.00	30.00	0	0	17520	0	0	5220	870	0	2160	0	6780	4500	37050
			50.00	0	2200	17000	3850	7800	14850	9400	0	4500	0	8200	7450	75250
			100.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		55,000.00		0	2200	34520	3850	7800	20070	10270	0	6660	0	14980	11950	112300

BAHAGIAN JALAN DAN MARRIS BAGI TAHUN 2025

BIL	PERKARA	SASARAN TAHUNAN (RM)		BULAN												JUM
				1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	TENDER	25,000	150.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			200.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			300.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			350.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			400.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	SEBUTH A-RGA	30,000	30.00	0	0	584	0	0	174	29	0	72	0	226	150	1235
			50.00	0	44	340	77	156	297	188	0	90	0	164	149	1505
			100.00	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH KESELURUHAN	55,000.00		**0**	**44**	**924**	**77**	**156**	**471**	**217**	**0**	**162**	**0**	**390**	**299**	**2740**

AKTIVITI JABATAN

BAHAGIAN PROJEK DAN REKA BENTUK

Cadangan menaiktaraf pintu gerbang sedia ada serta kerja berkaitan di Jalan Tanah Putih, Kuantan

Cadangan menaiktaraf pintu gerbang serta kerja-kerja berkaitan di Pasar Besar Awam, Kuantan

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR

Lawatan Aduan

Lawatan Tapak Pemeriksaan Interim Kerja Tanah

Lawatan Ujian Struktur Jalan (CBR *Test*)

Lawatan Ujian Struktur Jalan (Coring *Test*)



Sesi pembukaan peti sebutharga bagi tahun 2025

Sesi cabutan undi bagi tahun 2025

BAHAGIAN JALAN DAN MARRIS

Cadangan membaikpulih struktur longkang dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Lorong Pelindung 101 dan kawasan sekitarnya, Daerah Kuantan

Cadangan membaikpulih struktur longkang dan kerja-kerja berkaitan di kawasan Lorong Pelindung 101 dan kawasan sekitarnya, Daerah Kuantan

Cadangan kerja-kerja membaikpulih longkang runtuh di Jalan Tun Ismail 2, Daerah Kuantan

Jabatan

PERBENDAHARAAN

FUNGSI

- Melaksanakan kawalan aktiviti Kutipan Hasil, Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Majlis Bandaraya Kuantan Berdasarkan Peraturan dan Tatacara Kewangan Semasa Yang Digunapakai.

- Mengamalkan Sistem Pentadbiran Mengikut Peraturan Yang Telah Ditetapkan di Dalam Perintah-Perintah Am, Arahan Perbendaharaan, Dasar dan Peraturan Kewangan Majlis andaraya Kuantan dan Pekeliling-Pekeliling Kerajaan Yang Dikeluarkan Dari Semasa Ke Semasa Serta Diperakukan Oleh Pihak Majlis Bandaraya Kuantan.

- Memastikan Pengurusan Tunai *(Cash Management)* Majlis Bandaraya Kuantan Dalam Keadaan Stabil dan Melaksanakan Perbelanjaan Mengikut Anggaran Belanjawan Yang Diluluskan Oleh Pihak Kerajaan Negeri Pahang.

- Mengamalkan Prinsip Legaliti dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Hasil, Kewangan dan Perakaunan Majlis Bandaraya Kuantan.

- Pentadbir Kepada Pengurusan Sistem Hasil, Kewangan dan Perakaunan Majlis Bandaraya Kuantan Yang Bersepadu *(Integrated).*

PRESTASI KERJA

PRESTASI KEWANGAN MAJLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

Pencapaian keseluruhan Prestasi Majlis bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Keseluruhan Terimaan Hasil Majlis

RM 154,131,389.83 (80.57%)

Terimaan Keseluruhan Termasuk Terimaan Amanah

RM 208,318,011.40 (>100%)

Pencapaian keseluruhan Terimaan Hasil bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Hasil Cukai → **RM 94,685,538.65 (84.87%)**

Hasil Bukan Cukai → **RM 49,685,834.17 (69.37%)**

Teriman Bukan Hasil → **RM 9,760,017.01 (>100%)**

Terimaan Amanah → **RM 54,186,621.57**

SIMPANAN SEMASA

RM 44.798 JUTA

SIMPANAN TETAP

RM 62.950 JUTA

SUKUK

RM 62.950 JUTA

JUMLAH KESELURUHAN

RM 111.259 JUTA

PRESTASI TERIMAAN HASIL JABATAN

Kutipan Hasil Cukai Taksiran AM

Pencapaian prestasi kutipan tunggakan Cukai Taksiran pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN		
	SASARAN (RM JUTA)	KUTIPAN SEBENAR (RM JUTA)	(%)
2023	16.2	18.5	>100%
2024	17.0	16.1	95%
2025	18.0	14.0	78%

Perbandingan Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Am Tahun 2024 dan 2025

Prestasi Perbelanjaan Majlis

Berdasarkan Penyata Kewangan Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, prestasi perbelanjaan Majlis sehingga 30 Disember 2025 adalah seperti berikut :

PERBELANJAAN	TAHUN	
	2025 (RM)	2024 (RM)
Emolumen	62,994,244.92	48,839,526.84
Perkhidmatan dan Bekalan	98,353,299.77	73,557,576.75
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	3,224,634.09	3,209,971.80
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	7,371,466.65	2,472,633.82
JUMLAH PERBELANJAAN	**171,943,645.00**	**128,079,709.21**

PENCAPAIAN PRESTASI KERJA

Pengurusan Penyata Kewangan Tahunan Majlis

Selaras dengan Seksyen 16 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957, Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disediakan selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Majlis ini telah melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai Majlis bagi tahun 2024.

Pencapaian prestasi penyediaan Penyata Kewangan Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH
Penyediaan Draf Penyata Kewangan	19 April 2025
Pembentangan Penyata Kewangan - Mesyuarat Khas Penuh Majlis Bil. 1/2025	30 April 2025
Mengemukakan Penyata Kewangan kepada Jabatan Audit Negara Cawangan Pahang	30 April 2025
Pengauditan oleh Firma Audit Swasta Tetuan MNZWaja	18 Jun 2025 hingga 3 Julai 2025
- Penerimaan Surat Pengurusan Audit - Jawapan kepada Surat Pengurusan Audit	31 Julai 2025 20 Ogos 2025
Exit Conference Penyata Kewangan	18 Oktober 2025
Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis	24 November 2025
Pembentangan Sijil Ketua Audit Negara - Mesyuarat Penuh Majlis Bil.12/2024	23 Disember 2025
Penghantaran Penyata Kewangan ke Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK	9 Disember 2026

Pengurusan Belanjawan

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil.SUK.PHG-3.700-22/3/11JLD.5(35) bertarikh 10 Jun 2024 mengenai Penyediaan Anggaran Belanjawan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang bagi tahun 2025, Anggaran Belanjawan Majlis 2025 telah disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Penswastaan Bil. 5/2024 pada 25 Julai 2024 dan Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2024 bertarikh 31 Julai 2024 serta telah dikemukakan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan pada 5 Ogos 2024.

Anggaran Belanjawan Tahun 2025 Majlis telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang yang ke-47/2024 pada 17 Disember 2024 dengan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Majlis seperti berikut:

ANGGARAN JUMLAH HASIL	ANGGARAN PERBELANJAAN			LEBIHAN/(KURANGAN)
	Mengurus	Pembangunan	Jumlah	
RM 191,302,600	RM 202,982,995	RM 6,000,000	RM 208,982,995	(RM 17,680,395)

Pencapaian prestasi penyediaan Belanjawan Majlis Tahun 2025 adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH
Cadangan Anggaran Belanjawan 2025 Mesyuarat Semakan Bajet Majlis	12 Jun 2024 hingga 14 Jun 2024
Pembentangan Anggaran Belanjawan 2025 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Penswastaan Bil. 5/2024 Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 7/2024	 25 Julai 2024 31 Julai 2024
Mengemukakan Anggaran Belanjawan 2025 ke Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK	5 Ogos 2024
Pembentangan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang	17 Disember 2024
Kelulusan Anggaran Belanjawan 2025 oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK.PHG.3.600-3/7/4 Jld.19(45)	9 Januari 2025
Waran Kebenaran Berbelanja kepada Jabatan/Seksyen	15 Januari 2025

Waran perbelanjaan Majlis telah diagihkan mengikut peruntukan Jabatan/Seksyen sepertimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang pada 17 Disember 2024 dengan penekanan kepada peningkatan kutipan hasil dan mengamalkan pendekatan perbelanjaan secara berhemah bagi memastikan ianya tidak melebihi keupayaan aliran tunai Majlis.

Pengurusan Pembayaran

Secara keseluruhannya pada tahun 2025, 97.87% pembayaran kepada pembekal telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen pembayaran yang lengkap dan tepat diterima daripada jabatan pengguna. Sebanyak 1783 Pesanan Tempatan (LO) telah diproses dan LO yang dibayar dalam tempoh 7 hari sebanyak 1745 dan 38 LO dibayar melebihi 7 hari. Perkara ini adalah disebabkan LO yang diterima tidak lengkap seperti tiada pengesahan pada invois dan DO tidak dilampirkan.

Terdapat peningkatan penerimaan LO yang diproses untuk pembelian pada bulan November 2025 iaitu sebanyak 337 di mana sebanyak 337 jumlah LO yang dibayar dalam tempoh 7 hari dan tiada dibayar melebihi tempoh. Berlaku peningkatan mendadak jumlah LO yang diterima pada November 2025 selepas Pekeliling Garis Panduan Penutupan Belanjawan dan Akaun Tahun 2025 dikeluarkan kepada semua jabatan lebih awal.

Pengurusan Perolehan

Proses perolehan ini telah diuruskan secara telus dan penuh amanah tertakluk kepada Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa dan mematuhi piawaian ISO 9001:2015 Majlis. Kawalan pengurusan perolehan juga sentiasa dipatuhi berdasarkan 1PP (PK. 2.1). Pencapaian prestasi pengurusan perolehan Majlis dan aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	JUMLAH	(RM)
1.	**Sebutharga** • Sebutharga Dikeluarkan • Sebutharga Selesai Sehingga Disember • Sebutharga Batal	 144 105 39	 40,362,872.00 31,984,440.53
2.	Pengeluaran Pesanan Tempatan (LO)	3099	62,422,289.91
3.	**Pengeluaran Tender** • Pendaftaran Tender Sehingga Disember • Tender Yang Dijual Sehingga Disember • Tender Yang Telah Selesai Sehingga Disember • Tender Yang Dibatalkan Sehingga Disember	 6 5 4 1	 16,096,607.40 9,006,607.40 10,994,423.80 7,090,000.00
4.	**Penggiliran Kerja Undi** • Kerja Awam • Kerja Jalan	 369/603 302/506	 2,982,390.00 3,650,000.00
5.	**Pendaftaran Pembekal**	342	6,840.00
6.	**Insurans** • *Public Liability* • *Group Personal Accident* • *Group Term* Takaful Wakalah	 48 17 3	 52,111.75 36,541.04 66,000.00

Berdasarkan objektif kualiti ISO 9001:2015 di bawah Prosedur Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Majlis (Pembelian Terus), Borang 81 hendaklah mematuhi objektif kualiti yang ditetapkan iaitu 90% Borang 81 yang diproses dalam 30 hari perlu disemak baki peruntukan dan kedudukan aliran tunai. Prestasi pencapaian pengurusan pembelian

BULAN/ PERKARA	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	JUM
Di Proses Dalam 30 Hari Bekerja	119	315	354	244	295	326	340	294	362	369	437	38	3463
Lebih dari 30 Hari Bekerja	0	0	0	2	7	1	0	0	8	1	3	2	24

Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Tunggakan Cukai Taksiran Am

Menjalankan Tindakan Operasi Sitaan kepada Pemilik Pegangan yang mempunyai tunggakan

Pihak pengurusan telah mensasarkan sebanyak RM18.0 juta tunggakan Cukai Taksiran Am dapat dikutip bagi tahun 2025. Pihak jabatan khususnya Bahagian Cukai Taksiran telah mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui penghantaran notis tunggakan (Notis E) dan tindakan operasi sitaan ke atas pemilik pegangan bagi mengutip tunggakan Cukai Taksiran Am sepanjang tahun 2025.

OPERASI SITAAN

Jabatan

KEMASYARAKATAN DAN PELANCONGAN

FUNGSI

- Pembangunan komuniti termasuk merancang, mengurus dan melaksanakan program dan projek kemasyarakatan, sukan dan rekreasi untuk membina daya mampan bandar, meningkatkan taraf hidup dan kebajikan.

- Pembangunan pelancongan termasuk merancang, mengurus dan melaksanakan program dan projek tarikan pelancong, infrastruktur, acara, kebudayaan, promosi dan pemasaran produk pelancongan untuk meningkatkan sosioekonomi bandar.

PRESTASI KERJA

BAHAGIAN KOMUNITI DAN SUKAN

1. Pengurusan program kemasyarakatan selaras dengan Dasar Komuniti Negara melalui platform Zon Ahli Majlis, Sesi *Townhall*, Kemampanan Bandar, Local Agenda 21, SDG, *Bridging Digital Divide* dan pelbagai program dan projek komuniti secara kolaborasi bersama pelbagai agensi, jawatankuasa penduduk, persatuan dan kelab.

2. Penyelarasan program pembasmian kemiskinan bandar termasuk sumbangan bantuan golongan rentan.

3. Pengurusan PPRS Pinggiran Putra.

4. Pengurusan acara sukan peringkat majlis, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa secara kolaborasi selaras dengan Dasar Sukan Negara.

5. Pengurusan program pembangunan sukan kakitangan Majlis termasuk menyelaras latihan, kemudahan dan penyertaan pelbagai kejohanan.

6. Pengurusan fasiliti sukan dan kemudahan meliputi kompleks, padang, gelanggang, pusat akuatik dan dewan termasuk penyelenggaraan, pembersihan, pengurusan program, tempahan dan kutipan hasil.

BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

1. Pembangunan pelancongan baharu dan penjenamaan semula selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) termasuk mengenalpasti produk, menyediakan maklumat dan kertas kerja permohonan peruntukan.

2. Pengurusan dan pengoperasian pelancongan Pantai Rekreasi Balok meliputi tapak perkhemahan, pantai dan gelanggang petanque.

3. Pengurusan dan pengoperasian pelancongan Bazar Serambi Teruntum, Dataran dan Pasar.

4. Pengurusan dan pengoperasian pelancongan Tapak Warisan Sungai Lembing meliputi terowong, tram, panggung wayang, gerai, padang, *club house* dan bandar.

5. Pemantauan kawasan pelancongan.

6. Pengurusan acara pelancongan peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa

7. Pengurusan promosi dan pemasaran pelancongan.

8. Pengurusan kebudayaan dan kesenian.

9. Pengurusan pengiktirafan dan dasar pelancongan termasuk kajian daya saing dan jawatankuasa pelancongan.

AKTIVITI JABATAN

UNIT PEMBANGUNAN KOMUNITI

Zon Ahli Majlis	• Penyediaan garis panduan dan mekanisma pelaksanaan • Penyelarasan 94 program ZAM berjumlah RM415,049.00 dibantu Liason Officer • Penyelarasan 2 Projek Mesra Komuniti • Penyelarasan 187 sumbangan prihatin berjumlah RM37,400.00 • Penyelarasan 10 mesyuarat berkaitan
Sesi *Town Hall*	• Penyelarasan
Kemiskinan Bandar KPKT	• Permohonan 35 Program Bina Baharu Rumah di Bandar dengan kelulusan 4 KIR • Permohonan 62 Program Baik Pulih Rumah di Bandar dengan kelulusan 24 KIR
Kemampanan Bandar KPKT dan Dasar Komuniti Negara	• Program Kemampanan Bandar Kampung Baru Seri Teruntum • Program LA21 Pantai Cerok Paloh • Pemantauan 3 Kebun Komuniti Sri Damai, Inderapura, Kempadang dan Tanjung Api • Penyelarasan Program Kampung Angkat Madani Pelindung dan Sejati Madani
Bandaraya Mesra Komuniti	• Penyelarasan 9 program warga emas, OKU, Golongan Rentan dan Inklusiviti • Kolaborasi Jabatan bagi penyelarasan 6 gotong royong bersama komunti
CBT	• Pembangunan CBT Cherating, Sungai Lembing dan Pantai Kempadang
Pengurusan PPRS	• Permohonan peruntukan KPKT dan MUIP • Pelaksanaan 2 projek naiktaraf kemudahan termasuk dataran dan alat permainan • Kolaborasi penganjuran sebanyak 45 program • Pengurusan Sewaan Rumah • Pembersihan secara berjadual dan penyelenggaraan secara berkala

UNIT SUKAN DAN PENGURUSAN FASILITI

Car Free Day	• Pelaksanaan 12 program secara bulanan bersama agensi dan jabatan
Sport Tourism dan Komuniti Sukan	• Kolaborasi penganjuran 6 sukan antarabangsa termasuk King Of Sungai Lembing, Ocean Festival Malaysia 2025, Kuantan Half Marathon, Royal Pahang F3000 Powerboat, Pahang Half Marathon dan AFC Futsal Asian Cup Qualifier 2026 • Kolaborasi penganjuran 4 sukan peringkat nasional, negeri dan daerah termasuk Dragon Boat Regatta, Kuantan Base Jump, Hari Sukan Negara Sukan dan Kejohanan Bola Sepak Kuantan City Monsoon Cup Grassroots 2025
Pembangunan dan Pengurusan Sukan Kakitangan	• Penganjuran Sukan Kerajaan Tempatan (SKT) 2025 • Penyertaan Sukan MAKSAK oleh kakitangan MBK • Penyertaan 14 sukan jemputan • Penganjuran 10 program sukan kakitangan bagi mempomosikan gaya hidup sihat • Penyelarasan kursus kejurulatihan dan penanda arasan pembangunan sukan
Pengurusan Fasiliti Sukan dan Kemudahan	• Pengurusan dan pengoperasian 14 fasiliti sukan dan kemudahan meliputi Dataran Sayangi Kuantan, Dewan Bandaraya, Dewan Jubli Perak, Dewan Dato' Manan, Kompleks Dewan Wisma Belia, Kolam Renang, Stadium Hoki, Stadium SUKPA, Gelanggang Tenis Taman Gelora dan Padang • Pengurusan sewaan 14 fasiliti bagi pelaksanaan program • Pembersihan kawasan secara berjadual dan penyelenggaraan secara berjadual • Penyelarasan 6 kerja naiktaraf termasuk Gelanggang Tenis Taman Gelora, Kolam Renang, SUKPA, Dewan Jubli Perak dan 2 Stadium Hoki

UNIT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELANCONGAN

Pembangunan Produk dan Naiktaraf Infra Pelancongan	• Penyediaan 6 kertas cadangan pembangunan kawasan pelancongan berpotensi. • Penyediaan 39 kertas kerja permohonan peruntukan pelancongan di bawah RMK13, PPUN MOTAC, JWN, NRES dan BPEN berjumlah RM86,940,000.00 • Penyelarasan kelulusan 26 projek pelancongan berjumlah RM31,440,000.00 • Penyelarasan 6 kerja naiktaraf infra kawasan tumpuan pelancongan.
Pengurusan Pusat Rekreasi Pantai Balok	• Pengurusan 5 produk baharu termasuk chalet, tandas, glamping dan pencahayaan • Penganjuran 12 program pelancongan • Pengurusan sewaan gerai dan dataran • Pembersihan kawasan secara berjadual dan penyelenggaraan secara berkala
Pengurusan Bazar Serambi Teruntum	• Pengurusan 3 produk baharu termasuk ruang makan, letak kereta dan pasar basah • Penganjuran 12 program perniagaan dan pelancongan • Pengurusan sewaan gerai, dataran dan pembangunan perniagaan. • Pembersihan kompleks secara berjadual dan penyelenggaraan secara berkala
Pengurusan Sungai Lembing	• Pengurusan permohonan Tapak Warisan Kebangsaan dan pencalonan UNESCO • Pengoperasian produk pelancongan seperti tram dan *glamping* • Penyelarasan 4 projek kilang, panggung, terowong dan jambatan • Penganjuran 12 program dan lawatan pelancongan • Pengurusan sewaan gerai dan padang • Pembersihan kawasan secara berjadual dan penyelenggaraan secara berkala

UNIT PENGURUSAN ACARA, KEBUDAYAAN DAN DASAR PELANCONGAN

Pengurusan Acara	• Kolaborasi penganjuran 5 acara antarabangsa dengan peruntukan RM650,000.00 • Penganjuran 20 program pelancongan bersama penggiat industri
Kesenian dan Kebudayaan	• Tempahan 64 persembahan Briged Budaya dan Kombo • Pengurusan 120 persembahan Kuantan Pocket Show 1.0 dan 2.0 • Program Perantisan Seni Tari, Sekolah Angkat Seni Tari, Buskers dan Culture Zone • Pengurusan 2 Projek Teater Muzikal
Promosi dan Pemasaran Pelancongan	• Pengurusan 153 promosi Kuantan Tourism dan *Discover Kuantan* • Pengurusan Pejabat Warden Pelancongan • Penyediaan banner, brosiur, fotografi dan video pelancongan • Penyertaan 8 pameran dan roadshow termasuk Bazaar Cuti-Cuti Malaysia • Penyelasaran 6 permohonan penggambaran drama dan filem • Pengekalan warisan dan dokumentasi sejarah • Penyelarasan SMART Tourism termasuk AR dan VR • Pengurusan *Tourist Satisfaction Survey* dan pelbagai input pelancongan
Pengiktirafan dan Dasar Pelancongan	• Penyertaan 6 anugerah termasuk T*ourism Industry Award, World Islamic Tourism Award, Best Tourism Villages dan Asean Clean Tourist City Standard* (ACTC) • Pengurusan keahlian *Tourism Promotion Organization* (TPO) • Pengurusan 4 kali Mesyuarat Jawatankuasan Pelancongan dan Warisan • Penyelarasan *Special Tourism Investment Zone* (STIZ) • Penganjuran *City Tourism Workshop* dan *Kuantan Tourism Gathering*

01 123 Projek dan Program Komuniti Melalui Zon Ahli Majlis, Kebun Komuniti, Kampung Angkat Madani,

02 228 Projek Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB), Sumbangan Bantuan Bersasar dan PPRS

03 48 Program Sukan Termasuk SKT, MALA, CFD, Komuniti Sukan, *Sport Tourism* dan Pengurusan

04 26 Projek Pembangunan Pelancongan RMK13, PPUN, EFT, P02, berjumlah RM31,440,000.00

05 4 Pengurusan Pusat Pelancongan Baharu, Serambi Teruntum, Balok dan Sungai Lembing

06 11 Acara Antarabangsa, 20 Acara Tempatan, 64 Persembahan Kebudayaan dan 120 Pocket Show

07 153 Sosial Media, 14 Pameran dan Pelbagai Promosi, 6 Anugerah Pelancongan dan 1 *International Networking*

08 RM2,076,649.98 Hasil Sewaan Fasiliti dan termasuk pencalonan UNESCO

Jabatan

KAWALAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

FUNGSI

Jabatan ini bertanggungjawab mengurus dan memproses permohonan lesen perniagaan baharu, pembaharuan lesen tahunan serta pelbagai permit perniagaan dan penjaja secara sistematik dan telus. Dalam memastikan pematuhan terhadap peraturan pihak berkuasa tempatan, jabatan turut melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan premis secara berkala bagi menjamin piawai/*standard* kesihatan awam, keselamatan dan kebersihan persekitaran. Skop tanggungjawab juga merangkumi pengurusan kebersihan premis dan kemudahan tandas awam, pelaksanaan program kesihatan persekitaran, serta penggredan premis makanan bagi memastikan tahap kebersihan yang tinggi. Selain itu, jabatan menyelaras perkhidmatan pembersihan awam, pemantauan penyelenggaraan bahu jalan, serta menggalakkan amalan kelestarian melalui kempen kitar semula. Melalui libat urus strategik bersama komuniti perniagaan dan agensi berkaitan, jabatan turut menyokong pembangunan ekonomi tempatan, di samping mengurus aduan awam secara responsif serta memacu pelaksanaan transformasi digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mempermudah urusan perniagaan.

PRESTASI KERJA

KUTIPAN HASIL DAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan jabatan mencapai 82.43% (RM26.30 juta) daripada peruntukan RM31.91 juta menggambarkan perbelanjaan yang terkawal. Jumlah keseluruhan kutipan hasil jabatan adalah sebanyak RM 19,673,154.38. Secara keseluruhan, kutipan hasil didominasi oleh aktiviti pelesenan premis perniagaan mencecah 81.4% (RM 16,012,058.71).

1.1 BAJET JABATAN

Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
31, 912,334.68	26,304,612.56	**82.43%**

1.2 STATISTIK KUTIPAN HASIL BAHAGIAN PELESENAN

Bil	Jenis Hasil	Jumlah Kutipan Hasil (RM)
1	Fi Lesen/Permit Perniagaan (Baru)	6,773,880.21
2	Fi Pembaharuan Lesen Premis Perniagaan (Tahun 2025)	9,238,178.68
3	Jualan Patil/pelekat bahan cetak	59,371.50
JUMLAH		**16,071,430.39**

1.3 STATISTIK KUTIPAN HASIL BAHAGIAN PENJAJA

Bil	Jenis Hasil	Jumlah Kutipan Hasil (RM)
1	Fi Lesen/Permit Penjaja (Baru)	3,103,081.99
2	Fi Pembaharuan Lesen Premis Perniagaan (Tahun 2025)	343,086.00
JUMLAH		**3,446,167.99**

1.4 STATISTIK KUTIPAN HASIL BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

Bil	JENIS HASIL	JUMLAH KUTIPAN HASIL (RM)
1	Fi Lesen/Permit Penjaja/Sewaan Pasar, Gerai dan Dewan Gambang	155,556.00
JUMLAH		155,556.00

PENGURUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN

Jabatan Kawalan Perniagaan dan Perkhidmatan Perbandaran bertanggungjawab memproses permohonan dan keputusan bagi semua jenis perniagaan dilaksanakan mengikut prosedur, melaksanakan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen secara sistematik dan menyokong pembangunan modal insan yang relevan kepada komuniti perniagaan. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Mesyuarat Jawatan Kuasa Lesen Hiburan. Manakala Mesyuarat Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merupakan platform rasmi untuk merancang, menilai dan menambahbaik aspek keselamatan serta kesihatan di dalam Majlis Bandaraya Kuantan. Kekerapan mesyuarat bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Bil	PERKARA	KEKERAPAN
1	Mesyuarat Jawatan Kuasa Pelesenan	25
2	Mesyuarat Jawatan Kuasa Lesen Hiburan	4
3	Mesyuarat Jawatan Kuasa Kesihatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	4
4	Mesyuarat Teknikal Peringkat Pegawai	35

STATISTIK PELESENAN/PERMIT PREMIS, PENJAJA DAN IKLAN

Bil	PERKARA	BILANGAN
1	Lesen Premis Perniagaan (Penuh)	7,828
2	Pelbagai Permit Sementara Pelesenan	2,468
3	Permit Hiburan dan Permit Lanjut Masa Operasi Hiburan	294
4	Permit Iklan	1,381
5	Lesen Penjaja	229
6	Lesen Gerai	522
7	Lesen Pasar	535
8	Permit Pasar Minggu (Harian)	3,650

9	Permit Pasar Lambak Tahunan	642
10	Permit Harian Penjaja	561
11	Permit Ekspo/Karnival/Musim Perayaan (termasuk Bazar Ramadan)/Buah Bermusim	1,867
12	Permit Sementara Penganjuran Bazar Ramadan	19
JUMLAH		**19,996**

STATISTIK PECAHAN LESEN PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR

Bil	SEKTOR	BILANGAN
1	Peruncitan & Perdagangan	1,860
2	Makanan & Minuman	1,523
3	Pengiklanan dan Visual	1,751
4	Kawalan (Lesen Anjing)	1,851
5	Automotif & Teknikal	1,485
6	Perkhidmatan	947
7	Elektrikal & Teknikal	913
8	Pendidikan	396
9	Industri & Penyimpanan	340
10	Hiburan	78
11	Sektor Tenaga dan Utiliti	67
12	Rumah Urut	32
JUMLAH		**11,243**

Komposisi keseluruhan lesen berjumlah 11,243 memperlihatkan tumpuan utama kepada sektor peruncitan dan perdagangan (24.3%) seperti kedai runcit, pasar raya, pakaian, perabot, farmasi dan barangan pengguna, diikuti sektor makanan dan minuman (16.9%). Contoh: restoran, gerai, katering, kilang makanan dan pemprosesan makanan, pengiklanan (14.0%), termasuk billboard dan papan iklan serta lesen anjing (13.6%). Keempat-empat sektor ini merangkumi hampir 70% daripada jumlah keseluruhan lesen perniagaan, sekali gus mencerminkan struktur ekonomi bandar yang berteraskan aktiviti penggunaan dan perkhidmatan. Sektor automotif seperti bengkel, alat ganti, tayar dan menjual kenderaan, manakala sektor perkhidmatan seperti kedai dobi, salon, gunting rambut dan perkhidmatan pelanggan dan sektor teknikal termasuk kedai barangan elektrik dan penyaman udara/penghawa dingin menyumbang secara sederhana, manakala sektor hiburan dan utiliti berada pada tahap minimum.

STATISTIK AKTIVITI KAWALAN SEKTOR

Bil	PERKARA		BILANGAN
1	Bilangan Kes DENGGI *(Sumber Dari PKD Kuantan)		
	i.	Demam Denggi	296
	ii.	Demam Denggi Berdarah	0
	iii.	Kematian Demam Denggi	0
2	Bilangan Wabak *(Sumber Dari PKD Kuantan)		
	i.	Bilangan Wabak Terkawal	14
	ii.	Bilangan Wabak Tak Terkawal	2
	iii.	Bilangan *Hotspot*	2
3	Pemeriksaan Premis/Cari dan Musnah/Lokasi		
	i.	Rumah Kediaman/Perumahan/Perkampungan	4,812
	ii.	Lorong belakang Kediaman/Perniagaan	3,368
	iii.	Premis Perniagaan/Industri	26
	iv.	Premis/Kenderaan Terbiar	67
	v.	Tumpuan Awam/Pusat Rekreasi	45
	vi.	Sekolah/Kuarters Kerajaan	51
	vii	Tanah Kosong/Terbiar	23
	viii	Premis Barang Lusuh/Tapak Pelupusan	0
	ix.	Rumah Ibadat/Tanah Perkuburan	9
4	Tindakan Penguatkuasaan		
	i.	Bilangan Operasi	23
	ii.	Bilangan Notis Dikeluarkan	139
	iii.	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	4
	iv.	Bilangan Sitaan/Rampasan/Tutup	0

Bil	PERKARA		BILANGAN
5	Aktiviti Pendidikan/Kawalan Denggi		
	i.	Semburan Kabus/*Fogging*	204
	ii.	Ceramah	7
	iii.	Pameran	5
	iv.	Risalah/Bunting/Banner	1,337
	v.	Gotong Royong	70
	vi.	Cari dan Musnah (S&D)	251

STATISTIK AKTIVITI KAWALAN LILATI (LIPAS, LALAT, TIKUS)

Bil	PERKARA		BILANGAN
1	Aktiviti Kawalan Lipas		
	i.	Kaedah Kimia (pengasapan)	120
	ii.	Tindakan atas Aduan	2
2	Aktiviti Kawalan Lalat		
	i.	Kaedah Kimia (pengasapan)	87
	ii.	Tindakan atas Aduan	59
3	Aktiviti Kawalan Tikus		
	i.	Penggunaan Perangkap	297
	ii.	Penggunaan Bahan Kimia/Racun	10
	iii.	Tempat Urungan Tikus dihapuskan	35
4	Aktiviti Kawalan Tebuan		
	i.	Bilangan Aktiviti	121
	ii.	Bilang Sarang dihapuskan	144
	iiii	Tindakan atas Aduan	121

5	Aktiviti Kawalan Disinfeksi/Anai-anai		
	i.	Bilangan Aktiviti	14
	ii.	Kaedah Kimia/Semburan	14
	iii.	Tindakan atas Aduan	6
6	Aktiviti Kawalan Ayam/Merpati/Gagak		
	i.	Kaedah Perangkap	0
	ii.	Kaedah Kimia/*Repellent*	3
	iii.	Tindakan atas Aduan	5

AKTIVITI LILATI

STATISTIK AKTIVITI SANITASI DAN TINDAKAN KHAS

Bil	PERKARA	BILANGAN
1	Pemantauan Kebersihan	144
2	Aktiviti *Litter Picking*	2,292
3	Penyelesaian Kerja Bencana	377
4	Program Komuniti dan Gotong-Royong	241
5	Kerja-kerja Matrix	88



AKTIVITI *LITTER PICKING*

PROGRAM KOMUNITI DAN GOTONG-ROYONG

PENYELESAIAN KERJA BENCANA

STATISTIK AKTIVITI KITAR SEMULA

Pencapaian kitar semula bagi tempoh 2021 hingga 2025 menunjukkan trend peningkatan yang konsisten 15,036 kg dan sentiasa melebihi sasaran tahunan (2000kg) yang ditetapkan. Peningkatan paling ketara direkodkan pada tahun 2025, menandakan impak positif inisiatif yang dilaksanakan.



	2021	2022	2023	2024	2025
SASARAN	1200	1400	1600	1800	2000
PENCAPAIAN	6000	9346	9186	9432	15036

AKTIVITI KITAR SEMULA

STATISTIK KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN MAKANAN

Bil	PERKARA		BILANGAN
1	Bilangan Premis Diperiksa		
	i.	Kedai makan/restoran	1,107
2	Penilaian / Penarafan Sistem Penggredan		
	i.	Premis Makanan Gred A	143
	ii.	Premis Makanan Gred B	905
	iii.	Premis Makanan Gred C	59
3	Pengendali Makanan		
	i.	Bilangan pengendali menjalani Pemeriksaan Kesihatan, Suntikan Pelalian Anti–Tifoid & Sijil Kursus	11,559
	ii.	Bilangan pengendali makanan diperiksa di lapangan	4,510
4	Tindakan Penguatkuasaan Keselamatan Kebersihan Makanan		
	i.	Bilangan Operasi	48
	ii.	Bilangan Notis dikeluarkan	365
	iii.	Bilangan Kompaun dikeluarkan	430
	iv.	Bilangan Sita/Rampasan/Tutup	14
5	Pendidikan Kesihatan		
	i.	Kempen/kursus keselamatan makanan	4
	ii.	Bil. Risalah/Poster Diedarkan	1,097
	iii.	Bil. Pameran	3
	iv.	Bil. Ceramah	4
	v.	Bil. Perbincangan kumpul Kecil (PKK)	6
	vi.	Bil. Premis menyertai *Pest Control Program*	1,039

PEMERIKSAAN DAN PENGGREDAN PREMIS MAKANAN

92% premis makanan berlesen diperiksa bagi tahun 2025 dan daripada 1107 premis makanan yang diperiksa, 905 (82%) mendapat gred B, 143 (13%) mendapat gred A dan 59 (5%) telah mendapat gred C.



STATISTIK KAWALAN ANJING LIAR DAN TERBIAR

Bil	PERKARA/AKTIVITI	BILANGAN PENCAPAIAN
1	Bilangan Lokasi	942
2	Bilangan Aduan Anjing	802
3	Bilangan Operasi	79
4	Bilangan Penangkapan Anjing	1,113
5	Bilangan Anjing Yang Dituntut	26
6	Bilangan Anjing yang dihantar ke NGO	452
7	Bilangan Pelupusan Anjing/Jab. Veterinar	635
8	Bilangan Kes Gigitan Anjing	4
9	Bilangan Kes Rabbies/Penyakit Anjing Gila	0

Pasukan pasukan kawalan anjing liar dikenali sebagai *Dog Rescue Team* (DRT) ditugaskan bagi melaksanakan program Kawalan Haiwan Terbiar di kawasan pentadbiran MBK. Pada tahun 2025, sebanyak 1,107 ekor anjing berjaya ditangkap melibatkan 947 lokasi dengan kadar pencapaian 100%. Unit DRT turut memberi respon terhadap 802 aduan yang diterima daripada orang awam. Daripada jumlah tangkapan tersebut, 452 ekor anjing telah diserahkan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk tujuan adopsi, manakala 635 ekor lagi dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi proses pelupusan selaras dengan Akta Binatang 1953 (Akta 647 iaitu memberi kuasa kepada pihak veterinar untuk mengawal, menangkap dan melupuskan haiwan terbiar atau berpenyakit.)

STATISTIK PEMERIKSAAN KEBERSIHAN TANDAS AWAM

Bil	PERKARA	BILANGAN PEMERIKSAAN
1	Tandas Awam Milik PBT	447
2	Tandas Restoran	371
3	Tandas Pusat Beli Belah	16
4	Tandas Stesen Minyak	23
5	Tandas Rumah Ibadat	26
6	Tandas Hentian Awam	24
7	Tandas Pejabat Kerajaan	14
8	Tandas Pusat Pelancongan	36
9	Tandas Sekolah Menengah	17
10	Tandas Sekolah Rendah	14
11	Tandas Institut Pengajian Tinggi	14

MBK telah melaksanakan 1005 sesi pemeriksaan tandas awam secara berkala bagi memastikan tahap kebersihan sentiasa terjaga. Pemeriksaan meliputi kebersihan, penyelenggaraan peralatan sanitari, bekalan air, pencahayaan dan pengudaraan. Selain itu, kemudahan mesra OKU turut dinilai. Premis yang tidak mematuhi piawaian telah diberikan notis penambahbaikan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran serta memastikan tandas awam berada dalam keadaan bersih, selesa dan selamat digunakan oleh orang awam. Kebersihan tandas awam turut mencerminkan imej sebuah bandar raya serta menjadi faktor penting kepada keselesaan pengunjung.

OPERASI ANJING LIAR DAN PENYERAHAN ANJING KEPADA NGO KEBAJIKAN HAIWAN

STATISTIK PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT PELESENAN

Bil	LESEN PREMIS/IKLAN	BIL OPERASI	BIL PREMIS DIPERIKSA	BIL. KOMPAUN DIKELUARKAN	BIL. SITAAN/ RAMPAS	BIL. NOTIS DIKELUARKAN
1	Premis Hiburan Dan Rumah Urut	20	165	37	32	5
2	Premis Hotel/ Industri/Lain-lain Tred	13	129	26	0	7
3	Papan Iklan/ Pemutihan/ Walit	6	41	44	0	0
4	Premis Makanan (restoran/kedai makan)	13	48	74	2	3
5	Premis Lain-lain Makanan	6	42	45	0	0
6	Premis Tred	19	234	98	4	3
JUMLAH		**77**	**659**	**324**	**38**	**18**

OPERASI PENGUATKUASAAN PELESENAN DAN PENJAJA

1. OPS KETUPAT

Operasi Bersepadu Bersama Agensi Luar telah dilaksanakan pada 20 Mac 2025 dari jam 10.00 pagi hingga 1.30 petang, melibatkan MBK, SSM dan JAIP. Sebanyak 9 premis telah diperiksa di sekitar Kuantan, melibatkan pasar raya dan premis makanan. Hasil pemeriksaan mendapati majoriti premis mematuhi syarat yang ditetapkan. Namun, terdapat kesalahan seperti mempamerkan iklan tanpa lesen, kegagalan mempamerkan lesen serta ketidakpatuhan terhadap syarat penyembelihan ayam. Sebanyak 10 kompaun bernilai RM7,000 telah dikeluarkan. Operasi ini bertujuan memastikan pematuhan undang-undang, menjamin kebersihan makanan serta melindungi kepentingan pengguna.

2.OPS LIMAU

Operasi Bersepadu (Ops Limau) bersama JAIP, SSM dan MBK telah dilaksanakan pada 27 Januari 2025 bagi memastikan pematuhan undang-undang, meningkatkan tahap kebersihan serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan awam. Sebanyak 12 premis di sekitar Kuantan telah diperiksa melibatkan pasar raya dan premis perniagaan. Hasil pemeriksaan mendapati beberapa premis mematuhi sepenuhnya, manakala selebihnya melakukan kesalahan seperti halangan awam/kaki lima, menjalankan perniagaan tanpa lesen, mempamerkan iklan tanpa lesen atau lusuh serta penyimpanan peralatan di tempat kotor. Sebanyak 18 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah keseluruhan RM15,250.00.

3.OPS KARI

Operasi Bersepadu Ops Kari telah dilaksanakan pada 22 Januari 2025, dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang melibatkan JAIP, JKN, SSM, KPDN serta kakitangan MBK. Sebanyak 9 premis diperiksa di sekitar Kuantan meliputi restoran, pasar raya dan kedai. Hasil pemeriksaan mendapati pelbagai kesalahan seperti kegagalan mematuhi syarat lesen, halangan di kaki lima, iklan tanpa lesen, serta pekerja tidak menjalani pemeriksaan kesihatan. Tindakan penguatkuasaan termasuk penutupan premis, sitaan, kompaun dan notis bangunan telah diambil.

4.OPS GASAK

Operasi penguatkuasaan telah dijalankan pada 27 Mei 2025 melibatkan seramai 16 anggota terdiri daripada 4 PPKP, 2 PKA dan 10 penguatkuasa. Sebanyak 12 premis telah disemak dalam operasi ini. Hasil pemeriksaan mendapati lima kesalahan telah dikompaun dengan jumlah keseluruhan RM5,500.00. Kesalahan yang direkodkan termasuk menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah UUK 2, mempamerkan iklan tanpa kelulusan di bawah UUK 7 serta gagal mempamerkan lesen mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain itu, satu tindakan sitaan telah dilaksanakan melibatkan lesen yang telah dibatalkan sebelum ini dan premis diarahkan untuk ditutup serta-merta bagi mematuhi peraturan ditetapkan.

5.OPS PENIAGA WARGA ASING

Operasi Bersepadu KPDN Pahang bersama Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah dilaksanakan pada 27 Mei 2025 melibatkan pegawai pelbagai agensi. Pemeriksaan dijalankan ke atas tujuh premis sekitar bandar Kuantan meliputi Ops Gasak dan pemeriksaan am. Hasil operasi mendapati beberapa kesalahan termasuk kegagalan memiliki lesen barang kawalan, tiada tanda harga, alat timbang tamat tempoh serta ketidakpatuhan penandaan peranti rokok elektronik. Sebanyak 6 tindakan kes diambil dan 12 Kertas Pemeriksaan (KPP) dikeluarkan. Secara keseluruhan, terdapat juga premis yang mematuhi peraturan ditetapkan, mencerminkan tahap kesedaran peniaga yang semakin meningkat.

6.OPERASI PASAR LAMBAK

Operasi berkala ke atas 45 pasar lambak di seluruh daerah Kuantan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan lesen, kebersihan dan peraturan PBT. Pemeriksaan melibatkan semakan permit perniagaan, susun atur gerai, pengurusan sisa dan kebersihan pengendali makanan.

AKTIVITI JABATAN

PROGRAM LATIHAN PENGURUSAN BERSEPADU HALAL DAN TOYYIB BERSAMA PENIAGA PASAR LAMBAK/BAZAR RAMADAN

PROGRAM *WALKABOUT* PENGAGIHAN BUAH LIMAU SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA

PROGRAM LIBAT URUS BERSAMA PEMAIN INDUSTRI PELANCONGAN

PROGRAM TAKLIMAT PENGANJURAN BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI

PROGRAM ANUGERAH PENIAGA DAN PENGANJUR CEMERLANG BAZAR RAMADAN 2025/1446H



PROGRAM LATIHAN PENGURUSAN BERSEPADU HALAL DAN TOYYIB BERSAMA PENGUSAHA KEDAI MAKAN DAERAH KUANTAN

SESI PEMBENTANGAN KERTAS AMALAN BAIK DALAM SEMINAR *INTERNATIONAL PRACTICES AND INNOVATIVE FOR ZERO-WASTE CITIES*

PROGRAM PERKONGSIAN ILMU INISIATIF SIFAR SISA BERSAMA JAWATANKUASA KUALA LUMPUR *ZERO-WASTE* 2040, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA SEMPENA *WORLD CLEAN UP DAY* 2025

PROGRAM 1 KAKITANGAN 1 PAKAIAN

PROGRAM LIBAT URUS KAWALAN ANJING DALAM KAWASAN TAPAK BINAAN BERSAMA KONTRAKTOR BINAAN

PROGRAM LIBAT URUS LARANGAN PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN ROKOK ELEKTRONIK DAN VAPE

PROGRAM HANDS ON PEMBAHARUAN LESEN ATAS TALIAN

KURSUS BIMBINGAN PREMIS MAKANAN KE ARAH GRED A DAN PENYAMPAIAN SIJIL PENARAFAN GRED A

PROGRAM *HANDS ON* PEMBAHARUAN LESEN ATAS TALIAN

PROGRAM TRIM AND FIT MBK 2025

PROGRAM JANGAN BUANG INI WANG DAN *"TRASH TOCASH"*

Jabatan

LANDSKAP

FUNGSI

1. Fungsi-fungsi Jabatan/Seksyen yang telah disatukan termasuk Bahagian dan Unit.

2. Perancangan dan pembangunan landskap dalam kawasan Majlis yang berkeluasan 2,065 km persegi.

3. Melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah peruntukan-peruntukan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan MBK.

4. Mengawal dan menyelaras pembangunan landskap melalui proses permohonan kelulusan pelan-pelan landskap yang dikemukakan oleh perunding.

5. Pengurusan penyelenggaraan di 16 taman-taman awam sepertimana senarai direktori taman awam Jabatan Landskap Negara.

6. Penyediaan pelan-pelan rekabentuk landskap meliputi pengurusan landskap, proses kontrak, pengurusan peruntukan pembangunan dan penyediaan berkaitan teknikal dan pembinaan.

7. Pengurusan aktiviti-aktiviti di taman awam serta pantai yang diselenggara oleh Jabatan.

8. Pengurusan aduan awam, pengurusan penyelenggaraan kerja-kerja landskap dan pengurusan penyelenggaraan pokok-pokok peneduh dan renek.

9. Pengurusan tapak semaian, perancangan keperluan pembangunan landskap dan pengurusan perkhidmatan hiasan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

1. Mengenal pasti dan mengolah elemen-elemen pembentukan imej dan identiti Kuantan

2. Mempergiatkan lagi perlaksanaan pembangunan landskap.

3. Memastikan setiap permohonan kelulusan Pelan Landskap dari perunding mematuhi syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

4. Meningkatkan kepuasan penghuni dan pengunjung bandar Kuantan selaras dengan kesesuaian dan keindahan landskap.

5. Menyedia dan meningkatkan kepuasan pemohon bagi perkhidmatan hiasan bersesuaian dengan kehendak, tema atau program-program yang diperlukan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

1. Pengurusan penyelenggaraan tanaman pokok teduhan dan pokok renek di kawasan pentadbiran MBK.

2. Pengurusan penyelenggaraan taman-taman awam (rekreasi) serta zon-zon kontrak penyelenggaraan landskap di bawah Majlis.

3. Pengurusan Zoo Teruntum dan aset hidup.

4. Pengurusan aduan awam berkaitan pokok dan taman-taman awam.

5. Pengurusan permohonan penggunaan taman-taman awam dan kawasan rekreasi.

6. Mengurus dan menyelaras Data Inventori Pokok.

7. Mengurus dan mengendalikan Program CSR bersama agensi dan pihak-pihak lain.

8. Mengurus tempahan hiasan bagi program-program dari agensi luar dan pihak majlis.

PRESTASI KERJA

BIL	PERKARA	PENCAPAIAN	
		TAHUN 2024	TAHUN 2025
1	Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Landskap	88 Fail	81 Fail
2	Projek Pengindahan Landskap Secara Sebutharga dan Secara Jabatan	RM 11,902,550.11 (42 Projek)	RM 15,817,530.40 (36 Projek)
3	Pembiakan Pokok	19,267 Pokok	23,000 Pokok
4	Jualan Pokok dan Anak Benih	RM 3,800.00	RM 2,877.00
5	Data Penanaman Pokok	13,740 pokok	52,262 pokok

Keseluruhan prestasi bagi Bahagian Pembangunan Landskap telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

BAHAGIAN PENHYELENGGARAAN LANDSKAP

BIL	PERKARA	PENCAPAIAN	
		TAHUN 2024	TAHUN 2025
1	Pengurusan Aduan Pokok	733 Kes	800 Kes
2	Penyelenggaraan Pokok Ameniti	6528 Pokok	7126 Pokok (45 Inden)
3	Pengurusan Sewaan Tapak Taman Awam	85 Permohonan (RM 77,905.00)	178 Permohonan (RM 62,630.00)
4	Permohonan Perkhidmatan Hiasan	79 Permohonan (RM 156,696.50)	149 Permohonan (RM 150,657.00)
5	Hasil Terimaan Zoo Teruntum	RM 404,852.31	RM 320,627.97

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan penurunan hasil bagi pengurusan sewaan tapak taman awam disebabkan penggunaan untuk aktiviti riadah tanpa sewaan. Manakala perkhidmatan hiasan juga menunjukkan penurunan hasil atas sebab banyak permohonan hiasan berskala sederhana kecil sahaja. Keseluruhan prestasi bagi Bahagian Penyelenggaraan Landskap telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

BIL	PERKARA	TAHUN 2025
1	Program CSR Penghijauan	10 Program
2	Gotong-Royong Penyelenggaraan Pokok	16 Program
3	Program Pembudayaan Landskap (Pembiakan anak benih pokok bersama agensi luar)	9 Kali
4	Pertandingan Landskap Laman Hijau bertemakan "Pit Stop Berjiwa Lestari" kategori Stesen Minyak dan diwakili oleh syarikat Shell, Petron, Petronas, BHP & Caltex	Peruntukan RM34,700.00
5	Kursus Pemantapan Pengurusan Trafik dan Keselamatan di Tempat Kerja kepada Kontraktor Penyelenggaraaan Landskap 20 Zon Tarikh: 25 hingga 27 November 2025, Tempat: Taman Negara, Jerantut	40 orang peserta
6	Khidmat nasihat Landskap dari perunding Raintree Arborist kepada Jabatan Landskap untuk penilaian risiko pokok ameniti	1 kali

AKTIVITI JABATAN

Pemasangan Papan Tanda Awas memasuki Zon Penyiraman di Jalan Kuantan-Gambang dan Kuantan ByPass sebagai langkah keselamatan kepada Pengguna Jalan Raya

4.4
PERINGKAT TEMPATAN

4.4.1
PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA KUANTAN 2021-2025

Pelan Strategik Majlis Bandaraya Kuantan 2021-2025 menumpukan ke arah strategik Majlis Bandaraya Kuantan dari sudut Visi, Misi, nilai, strategik, projek penting, dan sasaran jangka pendek hingga sederhana. Ia menyasarkan aspek tadbir urus bandar sehingga tahun 2025.

Dalam konteks ini, Pelan Strategik MBK 2021-2025 merupakan alat pelaksanaan jangka pendek / sederhana yang mengadaptasi kerangka tersebut untuk tujuan pengurusan bandar, pelaksanaan projek, dan pemantauan strategik semasa tempoh 5 tahun.

Aspek	Pelan Strategik
Skop Ruang	Bandar Kuantan Sahaja, Jangka masa dekat
Fokus Utama	Objektif strategik, initiatif, tadbir urus, projek spesifik
Hubungan	Pelan strategik MBK, melaksanakan projek. prosedur berdasarkan kerangka ini
Contoh Sinergi	• MBK boleh merancang pelaksanaan fasa bagi sistem tersebut semasa tempoh 2021 – 2025 • Program pembangunan industri/pelancongan jangka pendek hingga pertengahan boleh dirangka dalam pelan strategik
Komponen	**Tadbir urus dan integriti** Meningkatkan ketelusan, mengurangkan rasuah dan pelaksanaan OACP **Tranformasi digital dan *Smart City*** Bandar pintar, aplikasi digital MBK, stesen pengecas EV, penggunaan teknologi dalam perkhidmatan. **Kelestarian Bandar** Pengukuhan sektor pelancongan warisan dan budaya, sokongan PKS, pembangunan industri sokongan

4.4.1
RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUANTAN 2035 (PENGGANTIAN)

Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (penggantian) merupakan dokumen strategik untuk memastikan pembangunan daerah ini mampan, berdaya saing, mesra alam dan inklusif hingga 2035. ia juga menjadi asas yang penting untuk menghasilkan Pelan Induk Landskap Daerah Kuantan dengan menghubungkan aspek fizikal, alam sekitar, sosial dan identiti setempat.

RTD 2035 ini juga selaras dengan Rancangan Fizikal negara dan Rancangan Struktur Negeri Pahang yang bergerak ek arah pembangunan dengan menekankan keseimbangan bandar-desa, agar pertumbuhan Kuantan tidak hanya tertumpu di pusat bandar sahaja.

6 FOKUS UTAMA RTDK 2035:

1. **Struktur *Spatial* dan Guna Tanah**
   Kawalan guna tanah (kediaman, komersial, industri, pelancongan dan rekreasi)
2. **Infrastruktur dan Mobiliti**
   Penyediaan infrastruktur (Saliran, pembentungan, Jalan, telekomunikasi dan utiliti)
3. **Ekonomi dan Pelaburan**
   Pembangunan ekonomi (industri Gebeng, Pelancongan Cherating, pelabuhan Kuantan, Pertanian Gambang, Warisan Sungai Lembing)
4. **Alam Sekitar dan KSAS**
   Kelestarian alam sekitar (Zon pelindungan pantai, sungai, hutan, dan kawasan sensitif)
5. **Sosial dan Perumahan**
   Pembangunan sosial (perumahan, kesihatan, pendidikan dan kemudahan komuniti)
6. **Kelestarian dan Bandar Pintar**
   Penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa serta aplikasi digital dalam tadbir urus.

KAJIAN PELAN INDUK LANDSKAP KUANTAN 2025 - 2035

Majlis Bandaraya Kuantan Raintree Arborist Sdn Bhd

TASK	ASSIGNED TO	PROGRESS	START	END	Bilangan Hari	TEMPOH PENYEDIAAN
Laporan Awal						
Kick Off Meeting	MBK	0%	22-Jul-25	5-Aug-25		
Penyediaan Laporan	Perunding	0%	5-Aug-25	25-Aug-25		2 Bulan selepas pelawaan perunding
Draf Awal	Perunding	0%	25-Aug-25	2-Sep-25		
Kelulusan	Perunding	0%	2-Sep-25	9-Sep-25		
Penyerahan	Perunding	0%	9-Sep-25	16-Sep-25		
Laporan Teknikal						
Draf Pertama	Perunding	0%	17-Sep-25	15-Nov-25		
Draf Kedua	Perunding	0%	16-Nov-25	14-Jan-26		6 Bulan selepas Laporan Awal
Kelulusan & Penyerahan	Perunding	0%	15-Jan-26	15-Mar-26		
Laporan Konsep						
Draf Pertama	Perunding	0%	16-Mar-26	9-Apr-26		
Draf Kedua	Perunding	0%	10-Apr-26	4-May-26		2 bulan selepas Laporan Teknikal
Kelulusan & Penyerahan	Perunding	0%	5-May-26	14-May-26		
Laporan Draf Akhir		0%				
Draf Pertama	Perunding	0%	15-May-26	12-Aug-26		6 Bulan selepas Laporan Konsep
Draf Kedua	Perunding	0%	13-Aug-26	10-Nov-26		
Laporan Akhir						
Draf Pertama	Perunding	0%	11-Nov-26	28-Nov-26		
Bengkel Semakan Akhir	MBK	0%	28-Nov-26	15-Dec-26		
Draf Kedua	Perunding	0%	16-Dec-26	2-Jan-27		3 bulan selepas kelulusan Draf
Kelulusan	Perunding	0%	2-Jan-27	19-Jan-27		
Penyerahan Selepas Pembetulan Akhir	Perunding	0%	19-Jan-27	5-Feb-27		
Laporan Ringkasan Eksekutif						
Penyerahan	Perunding	0%	5-Feb-27	22-Feb-27		Selepas Kelulusan

Buku Laporan Awal PIL

Kerja-kerja Lakaran Mural di Art Street *(Glow In The Dark)*

Projek Taman Rekreasi Hujung Tahun

Taman Madani merupakan salah satu taman rekreasi baru di
Taman Pandai Damai di bawah peruntukan Jabatan Landskap Negara

Projek *Mangrove City Park*
Hutan Paya Bakau Sungai Kuantan

SENARAI FAMILI DAN SPESIS BAKAU YANG DISENARAIKAN DISERAMBI TERUNTUM

Bil.	Famili	Spesies
1	Pteridaceae	*Acrostichum aureum*
2	Avicenniaceae	*Avicennia alba*
3		*Avicennia rumphiana*
4	Rhizophoraceae	*Bruguiera gymnorhiza*
5		*Ceriops zippeliana*
6		*Rhizophora apiculata*
7		*Rhizophora mucronata*
8	Arecaceae	*Nypa fruticans*
9	Lythraceae	*Sonneratia alba*

KADAR KEMANDIRIAN SPESIS DI KAWASAN KAJIAN

SERAMBI TERUNTUM
5 FAMILI
7 GENERA
10 SPESIES

TAMAN KEJIRANAN
5 FAMILI
10 GENERA
9 SPESIES

TAMAN GELORA
5 FAMILI
10 GENERA
9 SPESIES

HS CHERATING
5 FAMILI
10 GENERA
9 SPESIES

Bring Back Spesis Terancam Teruntum Putih

Pertandingan Landskap “PIT STOP, Berjiwa Lestari”

Kategori “ Inisiatif Landskap Terbaik Stesen Minyak

Penambahan Haiwan Baru di Zoo Teruntum

Jabatan

MEKANIKAL DAN ELETRIKAL

FUNGSI

1. Mengurus, memantau dan menyelaras kerja-kerja pengurusan penyelenggaraan bangunan milik MBK (mekanikal, elektrikal dan awam) dan kawasan sekeliling seperti perancangan, pemantauan dan pelaksanaan pembaikan untuk Sistem Perawatan Kumbahan (STP), Sistem Elektrik, Sistem Penyaman Udara, Sistem Pencegah Kebakaran, Sistem Kad Akses, Sistem Lif, Sistem CCTV dan lain-lain.

2. Mengurus dan memeriksa aduan kerosakan yang dilaporkan serta menyediakan dokumen yang diperlukan untuk kerja pembaikan.

3. Mengurus dan memantau kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil bangunan (mekanikal, elektrikal dan awam) serta kawasan sekeliling.

4. Memantau kontrak penyelenggaraan yang sedang dijalankan seperti Kontrak Tahunan Penyelenggaraan Lif dan lain-lain.

5. Mengurus perkhidmatan kenderaan majlis.

6. Mengurus dan menyelenggara jentera berat, ringan dan mesin kecil.

7. Menyelenggara sistem penyaman udara, lift, eskalator, alat pencegahan kebakaran, sistem bekalan air tawar, STP, genset, dan *auto gate barrier.*

8. Menyelenggara lampu-lampu isyarat dan peralatan MBK.

9. Menyedia dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam, projek-projek kecil dan perparitan.

10. Reka bentuk pemasangan elektrik berkaitan lampu jalan dan sistem solar.

11. Menyelaras persiapan tempat untuk majlis-majlis MBK.

12. Melaksanakan kerja-kerja pencucian dan kebersihan di Kompleks Ibu Pejabat MBK.

PRESTASI KERJA

BAHAGIAN MEKANIKAL DAN PENGANGKUTAN

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
KOS PERBELANJAAN BAGI SETIAP UNIT		
1	UNIT MEKANIKAL Laporan penyelenggaraan aset alih serta jumlah kos penyelenggaraan pencegahan	572,840.00
2	UNIT PENGANGKUTAN Laporan penyelenggaraan aset alih serta jumlah kos penyelenggaraan pencegahan	6,105,637.30
3	UNIT BENGKEL Laporan penyelenggaraan aset alih serta jumlah kos penyelenggaraan pencegahan	49,280.40
JUMLAH KESELURUHAN		**6,727,757.70**

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	JUMLAH KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
SUKU TAHUN PERTAMA	230	8,892.60	30	38,308.00	260	47,200.60
SUKU TAHUN KEDUA	213	2,154.00	7	5,000.00	220	7,154.00
SUKU TAHUN KETIGA	287	62,387.00	42	118,639.00	329	181,026.00
SUKU TAHUN KEEMPAT	220	7,585.00	39	45,695.00	259	53,280.00
JUMLAH KESELURUHAN	**950**	**81,018.60**	**118**	**207,642.00**	**1068**	**288,660.00**

STATUS PERUNTUKAN PROJEK 2025
BAHAGIAN MEKANIKAL DAN PENGANGKUTAN

BIL	TAJUK PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)	KOS PROJEK (RM)	PRESTASI (%)		STATUS	CATATAN
						JADUAL	SEBENAR		
1	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf *Lift Car* Interior Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Untuk 4 Unit Lif Di Bangunan UTC Pahang Untuk Majlis Bandaraya Kuantan	17 Jun, 2025	22 Sept 2025	200,000.00	174,000.00	100%	100%	TELAH SIAP SEPENUHNYA	FIAS GLOBAL ENTERPRISE
2	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Unit Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal Di Bangunan HQ Lama Untuk Majlis Bandaraya Kuantan	24 Feb, 2025	7 Apr, 2025	150,000.00	110,180.00	100	100	TELAH SIAP SEPENUHNYA	ZYD GLOBAL
JUMLAH KESELURUHAN				**350,000.00**	**284,180.00**				

UNIT MEKANIKAL

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN KENDERAAN / JENTERA		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	JUMLAH KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
SUKU TAHUN PERTAMA	69	29,277.20	109	242,680.00	178	271,957.20
SUKU TAHUN KEDUA	82	27,408.88	78	159,858.53	160	187,267.41
SUKU TAHUN KETIGA	76	23,813.58	111	265,162.62	187	288,976.20
SUKU TAHUN KEEMPAT	75	26,833.22	99	222,567.05	175	249,400.27
JUMLAH KESELURUHAN	**302**	**107,332.88**	**397**	**890,268.20**	**700**	**997,601.08**

Jumlah Keseluruhn Kenderaan/Jentera: 175 buah

RINGKASAN PERUNTUKAN KENDERAAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN YANG TELAH DIBELI PADA TAHUN 2025

BIL	JENIS DAN NO. KENDERAAN	TARIKH PEMBELIAN	KUANTITI	HARGA PER KUANTITI (RM)	JUMLAH (RM)
1	Skylift (CFA7162) (CFA 7159)	16 Januari 2025	2	800,000.00	1,600,000.00
2	Honda Crv (CFB 6727)	28 Februari 2025	1	190,624.93	190,624.93
3	Byd M6 (CFB 2050)	28 Februari 2025	1	135,500.00	135,500.00
4	PROTON E-MAS 7 (CFB 4051) (CFB 4052)	25 Mac 2025	2	123,899.96	247,799.92
5	Wood Chipper (TC 4997)	11 Apr 2025	1	378,000.00	378,000.00
6	Motosikal 250 Cc (CFB 6221) (CFB 6229) (CFB 6264) (CFB 6269)	29 Aril 2025	4	25,800.00	103,200.00
7	Lori Pengangkut 1.5 Ton (CFB 7794) (CFB 7801) (CFB 7802)	20 Mei 2025	3	165,300.00	495,900.00
8	Lori Pengangkut 3.5 Ton (CFB 8719)	29 Mei 2025	1	215,300.00	215,300.00
9	Nissan Navara 2.5 L Pro-4x (Cfc 1573) (Cfc 1575)	18 Jun 2025	2	136,074.90	272,149.80
10	Toyota Camry (Cfb 757)	25 Jun 2025	1	228,353.43	228,353.43
11	TOYOTA HILUX2.4 L A/T (CFC 3765)	30 Jun 2025	1	120,308.14	120,308.14
12	BAS SCANI SEMIHIGH DECK (CFC 8822)	-	1	1,120,900.00	1,120,900.00
				JUMLAH KESELURUHAN	**5,108,036.22**

UNIT BENGKEL

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN MESIN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	JUMLAH KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
SUKU TAHUN PERTAMA	93	-	25	3,433.00	118	3,433.00
SUKU TAHUN KEDUA	85	-	60	8,565.00	140	8,565.00
SUKU TAHUN KETIGA	110	-	20	4,860.00	130	4,860.00
SUKU TAHUN KEEMPAT	96	-	105	5,619.33	388	5,619.33
JUMLAH KESELURUHAN	**384**	**-**	**105**	**22,477.33**	**388**	**22,477.33**

Jumlah Mesin Kecil Keseluruhan: 477 buah

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN MOTOSIKAL		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	KUANTITI ASET DISELENGGARA	KUANTITI ASET DISELENGGARA	KUANTITI ASET DISELENGGARA	KUANTITI ASET DISELENGGARA	KUANTITI ASET DISELENGGARA
SUKU TAHUN PERTAMA	40	1440	21	7740.4	61	9180.4
SUKU TAHUN KEDUA	40	1440	14	4369	51	5809
SUKU TAHUN KETIGA	40	1440	14	3672.9	54	5112.9
SUKU TAHUN KEEMPAT	40	1440	16	5,260.77	55	6,700.77
JUMLAH KESELURUHAN	**160**	**5,760.00**	**65**	**21,043.07**	**221**	**26,803.07**

Jumlah Motor Keseluruhan : 58 buah

PERLAKSANAAN TEKNOLOGI HIJAU BAGI KENDERAAN ELECTRIC VECHICLE (EV) DI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

BIL	NO KENDERAAN	JENIS KENDERAAN	JENAMA	HARGA (RM)
1	CFB 2050	EV	BYD M6	RM 135,500.00
2	CFB 4051	EV	PROTON EMAS7	RM 123,899.96
3	CFB 4052	EV	PROTON EMAS7	RM 123,899.96

PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN PENYELENGGARAAN

1. PERUNTUKKAN MENGIKUT TAHUN 2024 DAN 2025 (PERUNTUKAN MBK - BELANJA MENGURUS)

TAHUN	2024	2025
JUMLAH	RM5,128,379.00	RM11,398,500.00

2. PRESTASI PERBELANJAAN KESELURUHAN 2025 (PERUNTUKAN MBK - BELANJA MENGURUS)

PERBANDINGAN	PERUNTUKAN (RM)	SEBENAR (RM)
JUMLAH	RM11,398,500.00	RM14,754,498.86

3. PRESTASI PEROLEHAN 2025 (PERUNTUKAN DALAMAN MBK / SUMBER LUAR)

KATEGORI	PESANAN TEMPATAN	REQUISITION/ INDEN 10K/20K/50K	SEBUTHARGA	TENDER
KUANTITI (UNIT)	712	237	20	-
JUMLAH PERUNTUKAN TERLIBAT	RM7,771,688.37	RM6,344,746.50	RM5,200,280.00	-

4. PRESTASI ADUAN AWAM

TAHUN	ADUAN DITERIMA	SELESAI	SDP	2025
2025	1107	1009		98

5. PRESTASI PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

TAHUN	INISIATIF HIJAU	KUANTITI TERLIBAT
2025	1. Pertukaran Lampu Taman sedia ada di taman permainan kepada lampu berkuasa solar	25
	2. Pemasangan Lampu Solar di kawasan bandar selamat	18
	3. Peruntukan khas KPKT (lampu solar)	60

AKTIVITI JABATAN

Kerja-kerja Pembersihan Di Kawasan Perumahan Bersama Pasca Banjir



Kerja-kerja Pemangkasan